- (p) Pendapatan aktiviti perladangan merangkumi operasi ladang dan kilang pula merekodkan jumlah sebanyak RM225.06 juta meningkat RM36.43 juta berbanding tahun 2023 iaitu RM188.63 juta. Peningkatan tersebut adalah disebabkan peningkatan hasil ladang dan harga pasaran sawit yang lebih baik.

- (q) Setiausaha memaklumkan aktiviti membeli, menjual dan mengalih BTS melibatkan bilangan rancangan daripada 50 kepada 66 rancangan. Penyertaan peneroka mandiri juga meningkat sebanyak 1,465 orang, bersamaan 13.57% berbanding tahun sebelumnya. Jumlah BTS yang diurusniagakan meningkat sebanyak 72,490 metrik tan (MT), iaitu peningkatan 12.56%. Dalam masa yang sama, sebanyak empat (4) buah PMS telah beroperasi melibatkan 10 rancangan FELDA, dengan jumlah BTS sebanyak 75,527 MT yang bernilai RM67.32 juta.
- (r) Pendapatan keseluruhan aktiviti perladangan dan BTS bagi tahun 2024 RM236.86 juta meningkat sebanyak RM40.72 juta atau 20.76% berbanding tahun 2023 berjumlah RM196.13 juta.
- (s) Peningkatan ini adalah disebabkan oleh peningkatan hasil ladang, harga sawit yang lebih baik serta penglibatan aktif KPF dalam urus niaga belian BTS.
- (t) Pendapatan daripada aktiviti hartanah KPF bagi tahun 2024 mencatatkan peningkatan sebanyak RM4.69 juta atau 18.13% berbanding tahun sebelumnya.
- (u) Peningkatan ini disumbangkan sepenuhnya oleh terimaan ganti rugi yang ditetapkan iaitu *Liquidated Ascertained Damages* (LAD) berjumlah RM4.69 juta disebabkan kelewatan serahan bangunan ICON City.
- (v) Setiausaha menjelaskan pada tahun 2024, tiada urus niaga dilaksanakan dalam pasaran sekuriti disebabkan kekangan dana yang dihadapi. Namun begitu, pendapatan bagi pasaran wang meningkat sebanyak RM1.31 juta atau 614.02% disebabkan penjualan saham amanah dan pengurusan tunai.
- (w) Pada tahun 2024, aktiviti pembiayaan KPF mencatatkan penyusutan dalam baki pembiayaan dan pendapatan.
- (x) Setiausaha menjelaskan aktiviti perbankan komersial merekodkan jumlah baki pembiayaan yang dikeluarkan menyusut sebanyak RM1.27 juta (1.14%) menyebabkan jumlah pendapatan menyusut sebanyak RM0.13 juta (1.59%). Penyusutan pendapatan adalah disebabkan oleh kekurangan dana untuk pengeluaran pembiayaan baharu.
- (y) Setiausaha menjelaskan perniagaan ar-rahnu kini beroperasi melalui 38 cawangan di seluruh negara. Pendapatan operasi keseluruhan ar-rahnu meningkat sebanyak RM3.27 juta atau 17.31%, menjadikan jumlah pendapatan kepada RM22.16 juta berbanding RM18.89 juta pada tahun 2023.
- (z) Walau bagaimanapun, pendapatan daripada urus niaga emas menurun sebanyak RM1.20 juta atau 34.43% disebabkan oleh marhun (barang gadaian) yang tidak dituntut untuk lelongan berkurangan.
- (aa) Setiausaha memaklumkan KPF juga menjalankan tanggungjawab sosial selain daripada aktiviti perniagaan yang diceburi. Antaranya adalah bantuan barangan keperluan asas dan sukarelawan kepada mangsa banjir serta mewujudkan peluang pekerjaan dan latihan industri kepada generasi baharu Felda.

Soalan

Perwakilan:

- (a) Encik Tajudin bin Ahmad (Felda Teloi Kanan) mencadangkan agar tiga (3) jawatan tertinggi dalam pengurusan dikontrakkan bagi tempoh dua (2) tahun. Sekiranya prestasi pemegang jawatan adalah memuaskan, tempoh kontrak tersebut boleh disambung. Beliau memohon agar cadangan ini diambil tindakan sewajarnya supaya pelaksanaannya dapat direalisasikan mulai tahun hadapan. Menurut beliau, cadangan ini adalah sejajar dengan saranan YBhg. Dato' Sri Ahmad Shabery bin Cheek, Pengerusi FELDA, yang telah dinyatakan dalam ucapan perasmian sebentar tadi.
- (b) Encik Abd Halim bin A Razak (Felda Ayer Hitam) menyokong cadangan tersebut. Namun, beliau mencadangkan agar tempoh kontrak dipanjangkan kepada lima (5) hingga 10 tahun bagi memberi ruang kepada perancangan dan pelaksanaan yang lebih stabil sebelum sebarang perubahan berlaku. Beliau berpandangan cadangan tersebut perlu diperincikan sebelum dilaksanakan.

- (c) Encik Ismail Johari (Felda Palong 1) menyatakan sokongan terhadap cadangan agar pelantikan pengurusan tertinggi dilaksanakan secara kontrak, namun menegaskan bahawa tempoh kontrak yang terlalu singkat seperti dua (2) atau tiga (3) tahun tidak sesuai kerana belum sempat menunjukkan hasil kerja. Justeru, beliau menyarankan supaya tempoh kontrak dipertimbangkan dengan sewajarnya bagi membolehkan pegawai yang dilantik menyumbang secara berkesan kepada pembangunan koperasi.
- (d) Beliau turut mengingatkan bahawa KPF adalah milik bersama peneroka FELDA dan kepimpinannya perlu dijaga dengan penuh tanggungjawab. Beliau juga menyuarakan harapan agar kadar dividen dan elaun kehadiran MAPT dapat ditingkatkan.
- (e) Selain itu, beliau menyentuh isu berkaitan keadaan kebun FELDA, khususnya tanaman getah yang didapati tidak lagi menghasilkan hasil seperti dahulu. Beliau mempersoalkan kaedah penanaman dan kualiti pokok getah yang digunakan, yang didapati cepat rosak dan ditebang sebelum sempat matang. Justeru, beliau berharap pihak pengurusan FELDA mengambil perhatian serius terhadap perkara ini dan memperbaiki pelaksanaan di peringkat ladang.
- (f) Beliau mendoakan agar KPF terus maju dan kekal sebagai harapan utama peneroka FELDA.

Dilaporkan:

- (a) Setiausaha membentangkan Laporan Jawatankuasa Audit Dalam (JAD) bagi sesi 2024/2025 yang menyatakan bahawa sistem kawalan dalaman Kumpulan KPF menunjukkan peningkatan berbanding tahun sebelumnya, dengan prestasi kewangan yang positif dan penambahbaikan dalam tadbir urus melalui pelaksanaan polisi serta prosedur operasi standard (SOP) yang dikemas kini.
- (b) Namun begitu, JAD menekankan keperluan untuk terus memperkukuh pulangan pelaburan, aliran tunai, pematuhan kepada perundangan koperasi, serta pengukuhan kawalan operasi agar selaras dengan dasar dan prosedur yang ditetapkan.
- (c) Setiausaha memaklumkan perkara-perkara berkaitan saranan JAD tersebut kini dalam pelaksanaan dan tindakan pihak Pengurusan.

Soalan**Perwakilan:**

- (a) Encik Wan Zawawi bin Wan Zain (Felda Chiku 1) merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak pengurusan KPF. Beliau memberi maklum balas terhadap kenyataan Encik Tajudin bin Ahmad (Felda Teloi Kanan) dan beberapa perwakilan lain mengenai cadangan pelantikan pengurusan tertinggi dilaksanakan secara kontrak di mana terdapat beberapa perkara yang kurang baik berlaku sebelum MAPT Ke-44 berlangsung seperti sebaran mesej melalui *WhatsApp* yang boleh menimbulkan persepsi negatif terhadap Lembaga dan pengurusan.
- (b) Lembaga telah membentangkan laporan prestasi sebentar tadi dan tiada kerugian direkodkan kecuali bagi KPF Plantation disebabkan kos awalan pembangunan tapak samaian. Justeru, beliau menegaskan supaya isu pelantikan jawatan tertinggi secara kontrak tidak dijadikan isu dengan momokan seolah-olah berlaku ketirisan dan salah laku dalam KPF.
- (c) Beliau juga berpandangan bahawa prestasi semasa KPF merekodkan keuntungan dan peningkatan dividen. Beliau percaya pengurusan sebenarnya dipantau oleh pihak Lembaga dan sekiranya terdapat sebarang kesilapan di pihak pengurusan, tindakan sewajarnya boleh diambil oleh Lembaga tanpa mengambil kira status kontrak mahupun tetap.
- (d) Beliau berpandangan Lembaga yang bertanggungjawab terhadap kesilapan atau kerugian dalam KPF. Beliau berpandangan perwakilan tidak perlu memberi tumpuan kepada perkara-perkara yang boleh menjejaskan perubahan yang sedang dilaksanakan.
- (e) Beliau turut menyatakan kekesalan terhadap penerimaan gambar yang telah disunting dan disebarkan secara tidak profesional. Beliau percaya maklumat terperinci yang tersebar mungkin datang daripada pihak dalaman, memandangkan perwakilan tidak mempunyai maklumat terperinci seperti yang disebarkan.

- (f) Encik Mohammad Yahya bin Zakaria (Felda Pasoh 2) bertanyakan berkaitan soalan yang dimajukan kepada pihak KPF melalui *Google Form* bagi Agenda 2 dan 3. Walau bagaimanapun, YBhg. Dato' Pengerusi tidak menjawab soalannya di Agenda 2 manakala soalan di Agenda 3 tidak dibaca. Beliau memohon Lembaga memberi maklum balas terhadap soalan-soalannya dan menggesa Lembaga bertindak mengikut peraturan mesyuarat yang ditetapkan.
- (g) Encik Mohd Ali bin Aman (Kuala Lumpur) memohon penjelasan berkenaan punca kerugian yang dialami oleh KPF Plantation Sdn. Bhd. Beliau merujuk kepada pembentangan sebelum ini yang menyatakan berlaku peningkatan hasil ladang serta harga pasaran sawit yang lebih baik. Beliau turut membandingkan prestasi syarikat-syarikat lain dalam Kumpulan FELDA seperti Felda Plantation Management Sdn Bhd (FPM) dan bahagian perladangan FGV yang mencatatkan keuntungan.

Ulasan

Setiausaha:

- (a) Setiausaha menjelaskan KPF Plantation tidak mengalami kerugian namun keuntungan berkurangan berbanding tahun 2023 disebabkan oleh kos awalan pembangunan projek tapak samaian.
- (b) Setiausaha menerangkan KPF menerima soalan daripada Encik Mohammad Yahya bin Zakaria (Felda Pasoh 2) seperti berikut:

“Mohon disenaraikan ahli jawatankuasa dan latar belakang serta kemahiran sebagaimana yang tertera di pernyataan nombor 5 muka surat 83.”
- (c) Setiausaha membentangkan profil jawatankuasa-jawatankuasa KPF bagi sesi 2025/2026.

Ulasan YBhg.

Dato' Pengerusi:

- (a) YBhg. Dato' Pengerusi merakamkan ucapan terima kasih atas sokongan dan cadangan para perwakilan.
- (b) Beliau terpanggil untuk memberi perhatian khusus terhadap pandangan, cadangan serta pra-kata oleh YBhg. Dato' Sri Pengerusi FELDA ketika ucapan perasmianya sebentar tadi. Lembaga KPF memandang serius perkara ini memandangkan ia dizahirkan oleh pengurusan tertinggi FELDA. KPF akan meneliti perkara ini secara dekat dengan bantuan tenaga pakar dalam FELDA khususnya berkaitan pembangunan modal insan.
- (c) Lembaga mengalu-alukan pandangan serta cadangan yang menyeluruh daripada Kumpulan FELDA berkaitan komen dan saranan yang telah dizahirkan terutamanya oleh YBhg. Dato' Sri Pengerusi FELDA. Beliau mengucapkan terima kasih kepada perwakilan atas pandangan yang dikemukakan. Pandangan-pandangan ini amat dihargai dan menunjukkan satu semangat kebersamaan dalam kalangan anggota.
- (d) Sehubungan itu, pihak Lembaga akan mengambil tindakan lanjut selepas MAPT Ke-44 berlangsung dengan meneliti semua pandangan tersebut. Ia juga selari dengan intipati dan kesimpulan yang pernah dikemukakan oleh Jawatankuasa *Task Force* yang ditubuhkan pada tahun 2023 yang diketuai oleh YBhg. Datuk Nik Mohd Hasyudeen bin Yusoff.
- (e) Antara perkara yang telah dibangkitkan dalam beberapa laporan rasmi sebelum ini termasuklah cadangan mengkaji semula struktur pengurusan, pelupusan pegangan aset koperasi, menyusun semula aset-aset strategik serta penambahbaikan dalam aspek tadbir urus korporat dan juga aspek perundangan.
- (f) YBhg. Dato' Pengerusi mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada semua perwakilan yang telah berkongsi komen dan pandangan. Segala pandangan ini akan diambil perhatian sewajarnya oleh Lembaga dalam perbincangan bersama pasukan Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD) dan pasukan Kumpulan FELDA bagi merangka tindakan dan pelaksanaan seterusnya.

- (g) Beliau yakin dan percaya bahawa pihak pengurusan juga bersikap terbuka serta bersedia mendengar dan menerima segala komen dan pandangan yang telah dikemukakan oleh para perwakilan.

Diluluskan: **Laporan Lembaga dan Laporan JAD tahun 2024 setelah dicadangkan oleh Mohd Sokarnor bin Jalil (Felda Mempaga 1) dan disokong oleh Encik Wan Zawawi bin Wan Zain (Felda Chiku 1).**

6. Agenda 4: Menimbang Dan Meluluskan Penyata Kewangan Teraudit Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2024.

Dibentangkan: Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan bagi pihak Bendahari membentangkan Agenda 4.

Dilaporkan: (a) Rumusan penyata kewangan bagi tahun berakhir 2024 seperti berikut:

- (i) Jumlah pendapatan tahun 2024 meningkat sebanyak RM134.46 juta atau 45.10% antaranya disebabkan oleh:
 - a. peningkatan pendapatan dividen dari syarikat Kumpulan FGV sebanyak RM82.73 juta;
 - b. peningkatan pendapatan dari aktiviti perladangan sebanyak RM44.71 juta; dan
 - c. peningkatan pendapatan hartanah sebanyak RM4.97 juta.
- (ii) Kos jualan meningkat sebanyak RM19.36 juta atau 12.60% selari dengan peningkatan pendapatan aktiviti perladangan.
- (iii) Jumlah perbelanjaan adalah RM105.96 juta, merekod peningkatan sebanyak RM6.06 juta atau 6.07% berbanding tempoh yang sama tahun 2023 berjumlah RM99.90 juta. Peningkatan disebabkan oleh kenaikan perbelanjaan operasi seperti peruntukan rosot nilai penghutang, yuran guaman dan profesional, yuran ejen belian BTS dan yuran proses pembiayaan.
- (iv) Keuntungan bersih adalah RM141.18 juta, meningkat sebanyak RM88.40 juta atau 167.49% berbanding tahun 2023 berjumlah RM52.78 juta.

(b) Rumusan kunci kira-kira pada 31 Disember 2024 dan perbandingan tahun 2023 adalah seperti berikut:

- (i) Jumlah aset bagi tahun 2024 adalah RM4,230.31 juta, meningkat sebanyak RM93.13 juta atau 2.25% berbanding tahun 2023 berjumlah RM4,137.18 juta. Peningkatan ini antaranya disebabkan oleh:
 - a. peningkatan penghutang perdagangan sebanyak RM35.95 juta merangkumi hutang sewaan hartanah berjumlah RM4.68 juta dan hutang perladangan (termasuk urus niaga BTS) berjumlah RM31.27 juta;
 - b. peningkatan pembiayaan Perbankan Komersial dan Ar-Rahnu sebanyak RM20.80 juta melibatkan pembiayaan kepada anggota berjumlah RM1.71 juta dan pembiayaan ar-rahnu berjumlah RM19.09 juta;
 - c. peningkatan Akaun Deposit Koperasi (ADK) sebanyak RM15.71 juta terhasil daripada pembahagian berkanun, Kumpulan Wang Rizab Statutori (KWRS) tahun semasa; dan
 - d. pertambahan aset untuk dijual (Ladang Samarahan) sebanyak RM13.43 juta merangkumi tambahan kos pembangunan ladang berjumlah RM11.16 juta dan aset biologi berjumlah RM2.27 juta.

- (ii) Jumlah liabiliti bagi tahun 2024 adalah seperti berikut:
- peningkatan pembiayaan dengan institusi kewangan sebanyak RM38.32 juta melalui penggunaan pembiayaan jangka pendek baharu berjumlah RM60 juta dan bayaran balik pembiayaan sedia ada berjumlah RM21.68 juta;
 - peningkatan hutang kepada syarikat-syarikat subsidiari dan FELDA sebanyak RM15.69 juta melibatkan hutang kepada syarikat-syarikat subsidiari berjumlah RM6.28 juta dan hutang kepada FELDA berjumlah RM9.41 juta;
 - peningkatan ADK belum bayar sebanyak RM15.61 juta; dan
 - peningkatan pemiutang perdagangan dan lain-lain pemiutang sebanyak RM13.13 juta merangkumi pemiutang perdagangan berjumlah RM2.49 juta dan lain-lain pemiutang berjumlah RM10.64 juta.
- (iii) Jumlah ekuiti adalah RM3,300.91 juta, meningkat sebanyak RM4.04 juta atau 0.12% berbanding tahun 2023 berjumlah RM3,296.87 juta disebabkan peningkatan keuntungan terkumpul, Kumpulan Wang Rizab Statutori (KWRS) dan Kumpulan Wang Penebusan Syer (KWPS). Walau bagaimanapun, modal syer menyusut sebanyak RM42.18 juta.

Diluluskan: **Penyata Kewangan Teraudit Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2024 setelah dicadang oleh Encik Md Ali bin Md Noor (Felda Tersang 1) dan disokong oleh Encik Ismail bin Johari (Felda Palong 1).**

7. Agenda 5: Menimbang Dan Meluluskan Cadangan Pembahagian Keuntungan Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2024.

Dibentangkan: YBhg. Dato' Pengerusi membentangkan Agenda 5.

- Dilaporkan:**
- Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024, KPF merekodkan keuntungan sebelum pembahagian berkanun, cukai dan zakat berjumlah RM157.14 juta berbanding RM57.76 juta bagi tempoh yang sama tahun 2023.
 - Bagi tahun 2024, purata baki modal syer minima anggota adalah RM2,150 juta. Kadar 1.0% dividen melibatkan jumlah agihan sebanyak RM21.50 juta. Berdasarkan kepada keuntungan bersih tahun semasa dan tanpa mengambil kira pelarasan bukan operasi adalah RM129.68 juta.
 - Pertimbangan bayaran dividen 2024 juga perlu mengambil kira kedudukan aliran tunai semasa, keperluan penyelesaian permohonan pengeluaran syer anggota yang tertunggak dan penggunaan tunai untuk modal pusingan aktiviti pelaburan dan perniagaan dalam memastikan kelangsungan operasi selari dengan pelan pendapatan mampan jangka panjang. Lembaga berpendapat sebahagian daripada keuntungan tahun semasa iaitu RM11.43 juta digunakan untuk tujuan penting iaitu menyelesaikan bayaran khairat kematian dan pulangan wang anggota meninggal (waris).
 - YBhg. Dato' Pengerusi memaklumkan bahawa KPF akan mengagihkan dividen mengikut kemampuan kewangan semasa. Merujuk kepada ucapan perasmian oleh YBhg. Dato' Sri Pengerusi FELDA sebentar tadi, beliau menyatakan harapan agar kadar dividen pada tahun ini adalah sedikit lebih baik berbanding kadar 5% yang diberikan tahun lalu. Penekanan diberikan bahawa peningkatan ini adalah mengikut keupayaan semasa koperasi, memandangkan keuntungan pada tahun 2023 adalah kecil.
 - YBhg. Dato' Pengerusi menjelaskan bahawa Lembaga dan pengurusan telah mencapai kata sepakat untuk mencadangkan agihan dividen sebanyak RM118.25 juta, bersamaan dengan kadar 5.5%.
 - Beliau turut memaklumkan bahawa pengiraan dividen akan dibuat berdasarkan baki minima bulanan mengikut tempoh pegangan syer dalam daftar anggota 2024.

- (g) Pembayaran dividen tersebut akan dibuat secara tunai ke akaun modal syer anggota.
- (h) Menurut YBhg. Dato' Pengerusi, pembayaran dividen ini juga adalah selaras dengan nasihat yang diterima daripada SKM iaitu dividen hendaklah dibayar menggunakan keuntungan semasa. Kaedah ini tidak menggunakan sumber kewangan lain, dan jumlah sebanyak RM118.25 juta tersebut adalah merupakan wang tunai yang sedia ada dalam akaun koperasi. Justeru itu, bayaran dividen boleh dibuat kepada anggota bermula dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja dari tarikh MAPT Ke-44.
- (i) Beliau turut memaklumkan bahawa permohonan pengeluaran dividen boleh dilakukan secara dalam talian.
- (j) Berbeza dengan tahun-tahun sebelumnya, KPF ketika itu tidak berupaya melaksanakan agihan dividen seperti yang dipersetujui, dan terpaksa menunggu sehingga tiga (3) hingga empat (4) bulan bagi mengumpulkan dana tambahan serta mendapatkan kelulusan bertulis daripada SKM untuk penggunaan sumber lain selain keuntungan semasa sebelum agihan dapat dilakukan.
- (k) Namun begitu, YBhg. Dato' Pengerusi menegaskan bahawa keadaan pada tahun ini adalah berbeza, seperti yang telah disebut oleh Encik Wan Zawawi bin Wan Zain (Felda Chiku 1) di mana semua operasi KPF mencatatkan keuntungan. Keuntungan tersebut membolehkan KPF menzahirkan pencapaian positif bagi tahun kewangan 2024 dan memberikan pulangan dividen sebanyak 5.5%, yang akan mula diagihkan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja dari tarikh MAPT Ke-44.

Soalan

Perwakilan:

- (a) Encik Ismail bin Johari (Felda Palong 1) mencadangkan agar dividen dibayar pada kadar 6.0%.
- (b) Encik Mohammad Yahya bin Zakaria (Felda Pasoh 2) memohon penjelasan daripada YBhg. Dato' Pengerusi berhubung kenyataan semua subsidiari KPF mencatatkan keuntungan. Berdasarkan pemerhatian beliau, terdapat satu syarikat yang mengalami kerugian, iaitu KPF Hotel Management Sdn. Bhd. Justeru itu, beliau memohon kepastian dan penjelasan lanjut berkaitannya.
- (c) Encik Tajuddin bin Ahmad (Felda Teloi Kanan) berpandangan bahawa meskipun semua subsidiari KPF merekodkan keuntungan, kadar keuntungan tersebut adalah rendah iaitu berada di paras bawah 20%. Beliau menyatakan bahawa keuntungan pada kadar 1% hingga 5% hanya mencukupi untuk membayar gaji, namun belum mampu memberi pulangan yang signifikan kepada anggota.
- (d) Beliau turut membandingkan kadar dividen KPF dengan koperasi lain seperti Koperasi Polis Diraja Malaysia (KPDRM) dan koperasi-koperasi di kawasan rancangan FELDA yang didakwa mampu mengagihkan dividen pada kadar 7.5% hingga 10%. Menurutnya, kadar 5.5% yang dicadangkan oleh KPF adalah rendah dan tidak mencerminkan prestasi KPF.
- (e) Beliau juga membangkitkan isu berkaitan kehadiran perwakilan ke MAPT secara fizikal dibayar elaun yang sama dengan kehadiran perwakilan secara dalam talian.
- (f) Oleh itu, beliau menyarankan agar Lembaga mempertimbangkan pemberian kadar dividen yang lebih wajar iaitu 7.0%. Beliau turut menggesa agar pihak Lembaga tidak menjadikan kelulusan SKM sebagai alasan atau penghalang kerana wang tersebut adalah milik anggota, bukan milik SKM.
- (g) Encik Mohd Salim bin Muda (Felda Jenderak Utara) menyatakan sokongan terhadap cadangan Encik Ismail bin Johari (Felda Palong 1) untuk menaikkan kadar dividen daripada 5.5% kepada 6.0%.
- (h) Beliau menyatakan bahawa dividen pada tahun lalu mengambil masa sehingga empat (4) bulan untuk diagihkan, manakala kadar 5.5% yang dicadangkan pada tahun ini dijangka dapat dibayar dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja.

- (i) Justeru itu, beliau mencadangkan agar kadar dividen ditingkatkan kepada 6.0% bagi menunjukkan peningkatan yang boleh memberi keyakinan kepada anggota serta meningkatkan kepercayaan terhadap kedudukan kewangan dan tadbir urus koperasi.
- (j) Encik Jalil bin Morsidin (Felda Bukit Serampang) menyatakan sokongan terhadap cadangan yang dikemukakan oleh Encik Ismail bin Johari (Felda Palong 1) berkaitan kadar agihan dividen. Beliau memaklumkan bahawa pada awalnya beliau berhasrat mencadangkan kadar dividen sebanyak 8%. Namun demikian, mengambil kira realiti kewangan KPF pada masa ini, beliau bersetuju dengan cadangan untuk meningkatkan kadar daripada 5.5% kepada 6.0%.
- (k) Beliau menganggarkan bahawa tambahan 0.5% kepada kadar dividen semasa hanya memerlukan peruntukan tambahan sekitar RM10.75 juta. Merujuk kepada jumlah agihan dividen sebanyak RM118.25 juta yang telah diumumkan, beliau percaya bahawa koperasi mampu menampung tambahan tersebut tanpa menjejaskan keupayaan membayar dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja selepas MAPT Ke-44, seperti yang telah dimaklumkan oleh YBhg. Dato' Pengerusi.
- (l) Encik Azman bin Ismail (Felda Selancar 1) menyatakan rasa teruja kerana berpeluang mewakili generasi kedua dalam MAPT Ke-44 kali ini. Beliau merakamkan ucapan tahniah kepada Lembaga serta seluruh warga kerja KPF atas usaha dan pencapaian yang ditunjukkan. Menurut beliau, generasi kedua selama ini sering terdedah kepada pelbagai persepsi negatif dan kritikan berkaitan kerugian yang dialami oleh KPF.
- (m) Namun demikian, setelah menghadiri mesyuarat dan mendengar sendiri pembentangan prestasi, beliau menyatakan keyakinan kepada Lembaga dan pengurusan yang berupaya meningkatkan prestasi KPF.
- (n) Sehubungan itu, beliau menyokong cadangan agar kadar agihan dividen ditingkatkan kepada 6.0% seperti yang telah dicadangkan oleh perwakilan lain. Beliau berpandangan bahawa peningkatan kadar dividen ini boleh menjadi satu kebanggaan buat KPF dan memberikan semangat kepada anggota. Beliau turut mengucapkan tahniah kepada semua pihak yang terlibat.
- (o) Puan Asma binti Awang (Felda Tementi) menyokong cadangan pembayaran dividen pada kadar 6.0%. Beliau turut mencadangkan agar bayaran dividen berjumlah RM1,000 ke bawah dibuat secara tunai di pejabat FELDA.
- (p) Encik Nahrowi bin Yatni (Felda Keratong 6) menyokong cadangan pembayaran dividen pada kadar 6.0%. Beliau turut mencadangkan agar kadar elaun kehadiran mesyuarat dibezakan antara kehadiran secara dalam talian dan secara fizikal.
- (q) Encik Bahrom bin Ahmad (Felda Palong 13) menyokong cadangan pembayaran dividen pada kadar 6.0%. Beliau turut menyokong cadangan agar kadar elaun kehadiran dibezakan antara kehadiran secara fizikal dan dalam talian.

Ulasan Ketua

Pegawai Eksekutif :(a)

- (a) Puan Sakinah binti Salleh memberikan penjelasan berhubung persoalan yang dikemukakan oleh Encik Mohammad Yahya bin Zakaria (Felda Pasoh 2) berhubung kenyataan semua subsidiari KPF mencatatkan keuntungan. Beliau menjelaskan bahawa pelaburan dalam subsidiari bukanlah termasuk dalam perniagaan teras (*core business*) KPF, sebaliknya merupakan salah satu bentuk pelaburan yang diuruskan oleh KPF.
- (b) Beliau menjelaskan bahawa perniagaan teras KPF terdiri daripada enam (6) bidang utama, iaitu hartanah, perladangan, pembiayaan, pelaburan korporat, pasaran modal, dan ar-rahnu sebagaimana yang telah dibentangkan sebentar tadi di Agenda 3. Di bawah kategori pelaburan korporat, terdapat pelaburan dalam subsidiari, Kumpulan FGV, syarikat usaha sama/luar.

- (c) Beliau menegaskan graf prestasi subsidiari yang dibentangkan sebentar tadi menunjukkan perbandingan prestasi berbanding tahun sebelumnya. Kenyataan YBhg. Dato' Pengerusi berkenaan tiada aktiviti yang mencatatkan kerugian adalah merujuk kepada prestasi dalam enam (6) bidang keberhasilan dan bukan kepada prestasi subsidiari. Sekali lagi, beliau menegaskan tiada kerugian direkodkan dalam enam (6) bidang teras yang menjadi fokus utama dalam aktiviti pelaburan dan perniagaan.

Diluluskan: Setelah disyorkan oleh Encik Ismail bin Johari (Felda Palong 1) dan disokong Encik Mohd Salim bin Muda (Felda Jenderak Utara) dan Encik Azman bin Ismail (Felda Selancar 1):

- (a) Agihan dividen bagi tahun kewangan 2024 pada kadar 6.0% berjumlah RM129 juta;
- (b) Pembayaran dividen dibayar secara tunai ke dalam akaun modal syer anggota; dan
- (c) Permohonan pengeluaran dividen dibuat secara dalam talian (e-Dividen) mulai 30 Jun 2025 manakala pembayaran dividen bermula 10 Julai 2025 secara berperingkat.

8. Agenda 6: Meluluskan Cadangan Bayaran Honorarium Lembaga Dan Yuran Tahunan Lembaga Pengarah Dalam Subsidiari Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2024.

Dibentangkan: Setiausaha membentangkan Agenda 6.

- Dilaporkan:**
- (a) Bayaran honorarium dibenarkan di bawah Akta Koperasi, tertakluk kepada penggunaan untung bersih teraudit selepas membuat peruntukan berkanun yang ditetapkan.
 - (b) Berdasarkan GP22, pencapaian prestasi kewangan tahun 2024, dan mengambil kira khidmat dan sumbangan yang diberikan kepada perjalanan operasi dan kewangan yang diberikan kepada KPF, bayaran honorarium kepada Lembaga adalah sebanyak RM1,000 sebulan dengan Pengerusi dibayar tambahan 50% bersamaan RM1,500 sebulan. Lembaga juga mencadangkan kadar yang sama dibayar bagi yuran tahunan Lembaga Pengarah syarikat subsidiari.
 - (c) Untuk makluman, tiada bayaran honorarium diberikan kepada anggota Lembaga pada tahun lalu disebabkan kekangan aliran tunai KPF. Namun, berdasarkan prestasi memberangsangkan pada tahun 2024, pemberian honorarium ini dianggap wajar sebagai penghargaan atas sumbangan mereka dalam mengekalkan kestabilan serta merancang hala tuju KPF dan syarikat Kumpulan.
 - (d) Lembaga mengesyorkan:
 - (i) bayaran honorarium kepada Lembaga adalah dibayar sebanyak RM12,000 seorang bersamaan RM1,000 sebulan, manakala Pengerusi dibayar tambahan 50% berjumlah RM18,000 bersamaan RM1,500 sebulan dengan jumlah keseluruhan RM150,000 tertakluk kepada kelulusan SKM;
 - (ii) bayaran yuran tahunan Lembaga Pengarah syarikat subsidiari adalah sebanyak RM12,000 seorang setahun dengan Pengerusi syarikat dibayar lebih 50% manakala bagi syarikat yang tidak aktif/dorman tidak dibayar sebarang yuran tahunan; dan
 - (iii) bayaran honorarium atau yuran tahunan Lembaga Pengarah syarikat subsidiari atas kadar pro-rata berdasarkan tempoh pelantikan.

Diluluskan: Setelah dicadangkan oleh Encik Mohd Salim bin Muda (Felda Jenderak Utara) dan disokong oleh Encik Mohamad bin Ibrahim (Felda Selendang 1):

- (a) bayaran honorarium kepada Lembaga adalah dibayar sebanyak RM12,000 seorang bersamaan RM1,000 sebulan, manakala Pengerusi dibayar tambahan 50% berjumlah RM18,000 bersamaan RM1,500 sebulan dengan jumlah keseluruhan RM150,000 tertakluk kepada kelulusan SKM;

- (b) bayaran yuran tahunan Lembaga Pengarah syarikat subsidiari adalah sebanyak RM12,000 seorang setahun dengan Pengerusi syarikat dibayar lebih 50% manakala bagi syarikat yang tidak aktif/dorman tidak dibayar sebarang yuran tahunan; dan
- (c) bayaran honorarium atau yuran tahunan Lembaga Pengarah syarikat subsidiari atas kadar pro-rata berdasarkan tempoh pelantikan.

9. Agenda 7: Meluluskan Skop Dan Had Pelaburan Serta Menentukan Had Maksimum Keterhutangan Bagi Sesi 2025/2026.

Dibentangkan: YBhg. Dato' Zakaria bin Arshad (Dato' Zakaria) selaku Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan & Perniagaan membentangkan Agenda 7.

- (a) Berdasarkan beberapa petunjuk pertumbuhan ekonomi dan andaian, Lembaga merancang untuk mengembangkan pelaburan seperti rumusan berikut:
 - (i) Pelaburan Korporat

KPF merancang memperuntukkan sejumlah RM150 juta bagi memperkasa aktiviti perniagaan dan pelaburan strategik. Peruntukan ini akan digunakan untuk memperkasa aktiviti perniagaan Syarikat Kumpulan, pelaburan ekuiti persendirian, usaha sama serta penubuhan dana pelaburan, pra-terbitan awam, terokaan modal, penubuhan subsidiari baharu dan penambahan ekuiti dalam Syarikat Kumpulan FGV dan/atau syarikat berkepentingan nasional.
 - (ii) Perladangan

Peruntukan sebanyak RM150 juta dicadangkan bagi menyokong pelaksanaan pelan pengembangan dan kelestarian sektor perladangan KPF.
 - (iii) Hartanah

Sejumlah RM30 juta diperuntukkan bagi memperkukuh strategi pengurusan dan pembangunan aset hartanah.
 - (iv) Pasaran Modal

Sejumlah RM100 juta diperuntukkan bagi memperkukuh strategi pelaburan pasaran modal dan pengurusan tunai KPF.
 - (v) Perbankan Komersial

Sejumlah RM50 juta diperuntukkan bagi memperkukuh aktiviti perbankan komersial dan pembiayaan.
 - (vi) Perkhidmatan Ar-Rahnu

Sejumlah RM50 juta diperuntukkan bagi memperkasa prestasi dan peluasan perniagaan Ar-Rahnu.
- (b) Lembaga mencadangkan skop dan had pelaburan bagi sesi 2025/2026 berjumlah RM530 juta:

Bil	Portfolio	Jumlah (RM Juta)
1	Pelaburan Korporat	150
2	Perladangan	150
3	Pasaran Modal	100
4	Perbankan Komersial	50
5	Perkhidmatan Ar-Rahnu	50
6	Hartanah	30
Jumlah		530

- (c) Lembaga mencadangkan had maksimum keterhutangan bagi sesi 2025/2026 adalah sebanyak RM350 juta:

Bil	Portfolio	Jumlah (RM Juta)
1	Pembiayaan berjangka	200
2	Pembiayaan Modal Kerja	100
3	Tabung Modal Pusingan	50
Jumlah		350

Diluluskan: Encik Mohamad bin Ibrahim (Felda Selendang 1) mencadangkan dan disokong oleh Encik Bahrom bin Ahmad (Felda Palong 13), skop pelaburan dan had keterhutangan bagi sesi 2025/2026 ialah seperti berikut:

- (a) Mandat kepada Lembaga untuk melaksanakan cadangan skop dan had pelaburan bagi sesi 2025/2026 berjumlah RM530 juta seperti berikut:

Bil	Portfolio	Jumlah (RM Juta)
1	Pelaburan Korporat	150
2	Perladangan	150
3	Pasaran Modal	100
4	Perbankan Komersial	50
5	Perkhidmatan Ar-Rahnu	50
6	Hartanah	30
Jumlah		530

- (b) Had maksimum keterhutangan bagi sesi 2025/2026 adalah sebanyak RM350 juta seperti berikut:

Bil	Portfolio	Jumlah (RM Juta)
1	Pembiayaan berjangka	200
2	Pembiayaan Modal Kerja	100
3	Tabung Modal Pusingan	50
Jumlah		350

- (c) Mandat kepada Lembaga untuk membuat keputusan penggunaan peruntukan skop-skop lain dan mengubah jumlah struktur pelaburan dan struktur keterhutangan dengan syarat tidak melebihi had keseluruhan yang diperuntukkan.

10. Agenda 8: Menimbang Dan Meluluskan Cadangan Penubuhan Subsidiari.

Dibentangkan: YBhg. Dato' Zakaria bin Arshad (Dato' Zakaria) selaku Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan & Perniagaan membentangkan Agenda 8.

- Dilaporkan:**
- (a) Penubuhan syarikat subsidiari, syarikat bersekutu dan syarikat tujuan khas (SPV) merupakan langkah strategik koperasi untuk mengembangkan aktiviti perniagaan secara profesional dan patuh kawal selia, di samping menarik rakan muafakat tanpa menjejaskan struktur asas koperasi.
 - (b) Langkah ini juga membolehkan pengurusan risiko dan tumpuan sektor perniagaan dilakukan dengan lebih berkesan melalui pengasingan antara koperasi induk dan subsidiari.

- (c) Selaras dengan pelan strategik 2025–2027 serta keperluan pengembangan operasi semasa Syarikat Kumpulan, Lembaga mencadangkan penubuhan subsidiari baharu bagi tiga tujuan utama:
- (i) Sektor Perniagaan Baharu – Penglibatan dalam aktiviti ekonomi/perniagaan anjuran FELDA dan/atau rakan muafakat luar dan penerokaan bidang baharu.
 - (ii) Pengembangan Perniagaan Semasa – Pengembangan aktiviti perniagaan semasa untuk diletakkan dibawah syarikat baharu.
 - (iii) Subsidiari Syarikat Kumpulan – Subsidiari atau syarikat tujuan khas (SPV) bagi penganugerahan projek berkaitan Kerajaan.

Soalan

Perwakilan:

Encik Anuar bin Hamid (Felda Serting Hilir 5) mencadangkan supaya menubuhkan subsidiari dalam sektor Teknologi Maklumat (IT) dan Inovasi. Beliau berpandangan bahawa langkah ini boleh membuka ruang kepada penglibatan generasi muda dalam aktiviti koperasi dan membantu meningkatkan pendapatan KPF secara keseluruhan. Beliau juga menerangkan antara contohnya Projek Tenaga Solar yang telah dilaksanakan di beberapa rancangan Felda di mana beliau sendiri terlibat secara langsung.

Ulasan

Dato' Zakaria:

Dato' Zakaria menyambut baik cadangan tersebut dan menyatakan bahawa perkara tersebut akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam Mesyuarat Lembaga akan datang. Beliau juga memaklumkan buat masa ini jumlah cadangan penubuhan adalah empat (4) dimana ianya merangkumi tiga (3) cadangan daripada Lembaga dan satu (1) cadangan tambahan daripada Perwakilan.

Soalan

Perwakilan:

Encik Tajudin bin Ahmad (Felda Teloi Kanan) mencadangkan supaya KPF menubuhkan subsidiari berkaitan *Electric Vehicle* (EV). Beliau menjelaskan keperluan penggunaan EV di rancangan-rancangan FELDA bagi mengurangkan kebergantungan kepada petrol memandangkan isu sekatan bekalan tenaga global (Amerika Syarikat) dan memberi peluang generasi muda mengguna kenderaan elektrik dengan harga yang murah.

Ulasan

Dato' Pengerusi:

Dato' Zakaria menyambut baik cadangan tersebut dan menyatakan bahawa perkara tersebut akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam Mesyuarat Lembaga akan datang. Beliau juga memaklumkan buat masa ini jumlah cadangan penubuhan adalah empat (4) dimana ianya merangkumi tiga (3) cadangan daripada Lembaga dan satu (1) cadangan tambahan daripada Perwakilan.

Diluluskan:

Setelah dicadangkan oleh Encik Mohamad bin Ibrahim (Felda Selendang 1) dan disokong oleh Encik Anuar bin Hamid (Felda Serting Hilir 5) cadangan penubuhan subsidiari diluluskan seperti berikut:

- (a) Mandat kepada Lembaga untuk menubuhkan tiga (3) subsidiari (jika perlu) dalam sektor ekonomi/perniagaan berikut:
 - (i) Cadangan Aktiviti Ekonomi/Perniagaan seperti berikut:
 - a. Satu (1) subsidiari bagi perniagaan baharu oleh KPF melalui aktiviti ekonomi anjuran FELDA dan/atau rakan muafakat luar dalam syarikat berkepentingan nasional dan strategik;
 - b. Satu (1) subsidiari bagi pengembangan aktiviti perniagaan semasa;
 - c. Satu (1) subsidiari atau syarikat tujuan khas (SPV) bagi penganugerahan projek berkaitan Kerajaan oleh Syarikat Kumpulan; dan

- d. Dua (2) cadangan tambahan subsidiari berkaitan IT & inovasi serta EV dan bidang berkaitan dengannya akan dikaji kesesuaian dan potensinya. Cadangan ini akan dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga sekiranya sesuai untuk dilaksanakan.

- (ii) Aktiviti ekonomi/perniagaan untuk diceburi tidak terhad kepada skop yang disenaraikan dengan syarat tidak melebihi peruntukan had pelaburan; tertakluk kepada kelulusan SKM.

11. Agenda 9: Menimbang Dan Meluluskan Cadangan Pindaan Bajet 2025 Dan Bajet 2026.

Dibentangkan: Puan Sakinah binti Salleh (Puan Sakinah) selaku Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan membentangkan Agenda 9.

- Dilaporkan:**
- (a) Puan Sakinah memaklumkan bahawa bajet bagi tahun 2025 telah pun dibentangkan dalam Mesyuarat Agung Kawasan (MAK). Namun begitu, terdapat pindaan bagi bajet tahun 2025. Beliau menerangkan pindaan tersebut melibatkan peningkatan unjuran pendapatan bagi tahun 2025 iaitu daripada RM598,666 kepada RM775,946 meningkat sebanyak 29.61%.
 - (b) Oleh itu, unjuran keuntungan sebelum cukai turut meningkat sebanyak 36.87% berbanding bajet asal. Perincian lanjut mengenai pindaan ini adalah seperti di buku agenda MAPT Ke-44.
 - (c) Pindaan bajet 2025 berbanding bajet 2025 adalah seperti berikut:

Perkara	Pindaan Bajet 2025 (RM'000)	Bajet 2025 (RM'000)	Perubahan	
			(RM'000)	(%)
Pendapatan	775,946	598,666	177,280	29.61
Kos Jualan	432,842	357,331	75,511	21.13
Keuntungan Kasar	343,104	241,335	101,769	42.17
Perbelanjaan:				
a. Perbelanjaan Pentadbiran	18,326	17,317	1,009	5.83
b. Perbelanjaan Operasi	20,301	16,919	3,382	19.99
c. Kos Kewangan	27,556	25,228	2,328	9.23
d. Susut nilai, Rosot nilai dan Pelunasan	42,158	10,345	31,813	307.52
Jumlah Perbelanjaan	108,341	69,809	38,532	55.20
Keuntungan Sebelum Cukai	234,763	171,526	63,237	36.87

- (d) Unjuran pendapatan pindaan bajet 2025 adalah seperti berikut:

Perkara	Pindaan Bajet 2025 (RM'000)	Bajet 2025 (RM'000)	Perubahan	
			(RM'000)	(%)
Perladangan	284,003	398,865	(114,862)	(28.80)
Pelaburan Korporat	420,856	89,961	330,895	367.82
Pasaran Modal	8,050	37,150	(29,100)	(78.33)
Hartanah	25,000	31,010	(6,010)	(19.38)
Perkhidmatan Ar-Rahnu	27,000	30,600	(3,600)	(11.76)
Perbankan Komersial	11,007	11,050	(43)	(0.39)
Fi Masuk Anggota	30	30	-	-
Jumlah	775,946	598,666	177,280	29.61

- (e) Beliau menerangkan rumusan bajet 2026 juga telah dibentangkan dalam MAK. Beliau memaklumkan pendapatan bagi tahun 2026 adalah RM245.79 juta dengan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM141.03 juta. Rumusan Bajet 2026 adalah seperti berikut:

Perkara	Bajet 2026 (RM'000)	Pindaan Bajet 2025 (RM'000)	Perubahan	
			(RM'000)	(%)
Pendapatan	245,794	775,946	(530,152)	(68.32)
Kos Jualan	53,521	432,842	(379,321)	(87.64)
Keuntungan Kasar	192,273	343,104	(150,831)	(43.96)
Perbelanjaan:				
a. Perbelanjaan Pentadbiran	17,792	18,326	(534)	(2.91)
b. Perbelanjaan Operasi	14,036	20,301	(6,265)	(30.86)
c. Kos Kewangan	8,604	27,556	(18,952)	(68.78)
d. Susut nilai, Rosot nilai dan Pelunasan	10,812	42,158	(31,346)	(74.35)
Jumlah Perbelanjaan	51,244	108,341	(57,097)	(52.70)
Keuntungan Sebelum Cukai	141,029	234,763	(93,734)	(39.93)

Diluluskan: Encik Mohamad bin Ibrahim (Felda Selendang 1) mencadangkan dan disokong oleh Md Ali bin Md Noor (Felda Mempaga) pindaan Bajet 2025 dan Bajet 2026 diluluskan seperti berikut:

PERKARA	BAJET 2026 (RM)	PINDAAN BAJET 2025 (RM)	PERUBAHAN (RM)	PERUBAHAN (%)
PENDAPATAN				
Perladangan	68,038,575	284,003,133	(215,964,558)	(76.04)
Pelaburan Korporat	81,819,957	420,856,041	(339,036,084)	(80.56)
Pasaran Modal	30,024,000	8,050,000	21,974,000	272.97
Hartanah	20,910,000	25,000,000	(4,090,000)	(16.36)
Perkhidmatan Ar Rahnu	33,400,000	27,000,000	6,400,000	23.70
Perbankan Komersial	11,571,500	11,007,000	564,500	5.13
Keanggotaan	30,000	30,000	-	-
Jumlah	245,794,032	775,946,174	(530,152,142)	(68.32)
KOS JUALAN:				
Kos Perladangan	36,173,695	223,244,448	(187,070,753)	(83.80)
Kos Pelaburan Korporat	2,000	187,690,400	(187,688,400)	(99.99)
Kos Pasaran Modal	1,200	5,025,220	(5,024,020)	(99.98)
Kos Hartanah	4,660,000	5,460,000	(800,000)	(14.65)
Kos Perkhidmatan Ar Rahnu	8,482,000	6,220,000	2,262,000	36.37
Kos Perbankan Komersial	4,202,000	5,202,000	(1,000,000)	(19.22)
Jumlah	53,520,895	432,842,068	(379,321,173)	(87.64)
(A) PERBELANJAAN PENTADBIRAN				
Gaji Dan Emolumen:				
Gaji Dan Upah	11,085,891	11,859,715	(773,824)	(6.52)
Caruman KWSP & Perkeso	2,650,696	2,581,340	69,356	2.69
Bonus	1,854,217	1,771,971	82,246	4.64
Jumlah	15,590,804	16,213,026	(622,222)	(3.84)

PERKARA	BAJET 2026 (RM)	PINDAAN BAJET 2025 (RM)	PERUBAHAN (RM)	PERUBAHAN (%)
Elaun Dan Kebajikan:				
Elaun Dan Manfaat	781,284	789,932	(8,648)	(1.09)
Insuran Perubatan	649,140	649,140	-	-
Rawatan Perubatan	771,024	674,082	96,942	14.38
Jumlah	2,201,448	2,113,154	88,294	4.18
Jumlah Belanja Pentadbiran	17,792,252	18,326,180	(533,928)	(2.91)
(B) PERBELANJAAN OPERASI				
Honorarium Dan Elaun:				
Honorarium Lembaga	150,000	150,000	-	-
Perbelanjaan Mesyuarat Lembaga	62,000	62,000	-	-
Elaun Tahunan Jawatankuasa Audit Dalaman	22,000	22,000	-	-
Elaun Tahunan Jawatankuasa Syariah	35,000	35,000	-	-
Elaun Tahunan Jawatankuasa (Lantikan Profesional)	51,000	51,000	-	-
Elaun Mesyuarat Lembaga Dan Jawatankuasa	283,800	283,800	-	-
Jumlah	603,800	603,800	-	-
Kebajikan Anggota:				
Sumbangan Khairat Kematian	-	2,000,000	(2,000,000)	(100.00)
Sumbangan	255,000	197,000	58,000	29.44
Wakaf	100,000	100,000	-	-
Jumlah	355,000	2,297,000	(1,942,000)	(84.55)
Latihan:				
Latihan & Kursus	348,800	347,300	1,500	0.43
Jumlah	348,800	347,300	1,500	0.43
Penyelenggaraan:				
Lesen	166,990	164,900	2,090	1.27
Penyelenggaraan Dan Pembaikan	1,323,470	1,844,090	(520,620)	(28.23)
Pembersihan Pejabat	119,700	114,130	5,570	4.88
Insuran	754,000	737,000	17,000	2.31
Utiliti	1,839,650	1,770,120	69,530	3.93
Cukai Tanah dan Cukai Pintu	2,500,000	2,600,000	(100,000)	(3.85)
Jumlah	6,703,810	7,230,240	(526,430)	(7.28)
Aset Hartanah:				
Tuntutan Litigasi	-	2,800,000	(2,800,000)	(100.00)
Yuran Penilaian	200,000	200,000	-	-
Yuran & Komisen Ejen Hartanah	190,000	273,000	(83,000)	(30.40)
Jumlah	390,000	3,273,000	(2,883,000)	(88.08)
Kos Kenderaan:				
Insuran Kenderaan	5,500	5,200	300	5.77
Penyelenggaraan Kenderaan	31,500	31,000	500	1.61
Tol & Parkir Kenderaan	20,000	19,700	300	1.52
Sewa Kenderaan	180,384	180,384	-	-
Diesel dan Petrol	35,000	35,500	(500)	(1.41)

PERKARA	BAJET 2026 (RM)	PINDAAN BAJET 2025 (RM)	PERUBAHAN (RM)	PERUBAHAN (%)
Cukai Jalan	15,855	15,100	755	5.00
Jumlah	288,239	286,884	1,355	0.47
Kos Pejabat:				
Langganan Komunikasi & Multimedia	172,422	172,422	-	-
Sewa Peralatan Pejabat	152,481	148,012	4,469	3.02
Percetakan Dan Alat Tulis	432,080	417,725	14,355	3.44
Telefon & Faks	56,220	55,220	1,000	1.81
Khidmat Kurier & Perkhidmatan Pos	112,900	106,370	6,530	6.14
Perbelanjaan Pejabat	25,014	24,114	900	3.73
Jumlah	951,117	923,863	27,254	2.95
Khidmat Audit & Cukai:				
Fi Juruaudit	228,000	228,000	-	-
Fi Ejen Cukai	35,000	35,000	-	-
Jumlah	263,000	263,000	-	-
Yuran:				
Duti Setem	950	65,800	(64,850)	(98.56)
Yuran Pembukaan Ar Rahn & CTOS	16,120	15,720	400	2.54
Yuran Khidmat Konsultan	210,000	280,000	(70,000)	(25.00)
Khidmat Guaman	420,000	520,000	(100,000)	(19.23)
Yuran Pembiayaan	-	1,000,000	(1,000,000)	(100.00)
Khidmat Kesetiausahaan	15,000	15,000	-	-
Jumlah	662,070	1,896,520	(1,234,450)	(65.09)
Pengiklanan Dan Promosi:				
Pengiklanan, Promosi Dan Pameran	231,200	214,000	17,200	8.04
Jumlah	231,200	214,000	17,200	8.04
Keraian Dan Perjalanan:				
Tuntutan Perjalanan	110,800	110,800	-	-
Elaun Sara Hidup	106,300	103,800	2,500	2.41
Jamuan & Keraian	59,000	58,500	500	0.85
Pengangkutan & Perjalanan	340,460	330,460	10,000	3.03
Jumlah	616,560	603,560	13,000	2.15
Perbelanjaan Mesyuarat Agung:				
Elaun Perwakilan	345,000	345,000	-	-
Perbelanjaan Mesyuarat	238,400	238,400	-	-
Jamuan Mesyuarat	260,200	-	260,200	100.00
Perbelanjaan Mesyuarat Kawasan:				
Belanja Mesyuarat Kawasan	180,000	180,000	-	-
Jumlah	1,023,600	763,400	260,200	34.08
Pembangunan Sistem:				
Sewa Perkakasan	1,114,708	1,114,708	-	-
Sewa Talian SKB & CPU	216,000	216,000	-	-
Khidmat Juruanalisa & Juruprogram	268,000	268,000	-	-
Jumlah	1,598,708	1,598,708	-	-
Jumlah Belanja Operasi	14,035,904	20,301,275	(6,265,371)	(30.86)

PERKARA	BAJET 2026 (RM)	PINDAAN BAJET 2025 (RM)	PERUBAHAN (RM)	PERUBAHAN (%)
(C) KOS KEWANGAN				
Caj Pembiayaan Kewangan	8,150,000	7,116,000	(18,966,000)	(69.94)
Caj Hak Penggunaan Aset	344,199	329,745	14,454	4.38
Caj Bank	110,000	110,000	-	-
Jumlah	8,604,199	27,555,745	(18,951,546)	(68.78)
Jumlah Besar Perbelanjaan (Tunai)	40,432,355	66,183,200	(25,750,845)	(38.91)
(D) SUSUT NILAI DAN PELUNASAN				
Pelunasan Aset Tidak Ketara (Yuran Francais)	78,333	78,333	-	-
Susut nilai Aset Tetap	1,969,988	2,564,766	(594,778)	(23.19)
Susut nilai Hak Penggunaan Aset	3,097,599	3,297,599	(200,000)	(6.07)
Rosot Nilai Pelaburan	-	30,500,000	(30,500,000)	(100.00)
Pelunasan Pajakan Tertanggung	1,528,007	1,528,007	-	-
Pelunasan Tumbuhan Penghasil	4,137,855	4,188,855	(51,000)	(1.22)
Jumlah Susut nilai Dan Pelunasan	10,811,782	42,157,560	(31,345,778)	(74.35)
JUMLAH BESAR PERBELANJAAN (TERMASUK SUSUT NILAI & PELUNASAN)	51,244,137	108,340,760	(57,096,623)	(52.70)
(E) PERBELANJAAN MODAL (ASET TETAP)				
Perladangan:				
Mesin	-	2,000,000	(2,000,000)	(100.00)
Bangunan/Rumah Kakitangan	2,000,000	2,000,000	-	-
Jentera Pertanian	500,000	500,000	-	-
Kenderaan Operasi	100,000	100,000	-	-
Alat & Peralatan	200,000	200,000	-	-
Pejabat & Stor	500,000	500,000	-	-
Lain-Lain:				
Ubahsuai & Pembaikan (Ar-Rahn)	1,000,000	1,000,000	-	-
Peralatan Pejabat (Ar-Rahn)	750,000	750,000	-	-
Kenderaan Pejabat	330,000	330,000	-	-
Perkakasan	500,000	-	500,000	100.00
Perisian	1,000,000	-	1,000,000	100.00
Alat & Peralatan	200,000	-	200,000	100.00
Jumlah Aset Tetap	7,080,000	7,380,000	(300,000)	(4.07)

12. Agenda 10: Memilih Tiga Anggota Lembaga Dan Mengesahkan Pelantikan Tiga Anggota Lembaga Yang Dicalonkan Oleh Lembaga FELDA Sesi 2025/2026.

Dibentangkan: YBhg. Dato' Ramli bin Ismail (Dato' Ramli) selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengundian membentangkan Agenda 9.

Kata Aluan: (a) Dato' Ramli merakamkan penghargaan kepada Encik Wan Zawawi bin Wan Zain (Felda Chiku 1) atas teguran yang diberikan kepada para perwakilan berkaitan dengan etika semasa berkempen. Beliau menegaskan walaupun berkempen adalah dibenarkan namun ia perlulah dilakukan secara berhemah dan tidak melampaui batas. Beliau juga memaklumkan tidak mengambil hati terhadap sebarang kecaman/tuduhan yang dilemparkan kepadanya kerana beliau yakin tidak melakukan perkara tersebut. Beliau juga menyatakan kesediaan untuk memaafkan segala tuduhan yang dibuat.

- Dilaporkan:**
- (a) Tiga (3) anggota Lembaga yang memegang jawatan Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari akan mengosongkan jawatan mereka pada MAPT Ke-44 ini mengikut fasal (3) UUK 38 iaitu:
 - (i) YBhg. Dato' Mohd Banuri bin Aris (Pengerusi);
 - (ii) Encik Mohd Helmi Fakhzan bin Abd Wahab (Setiausaha); dan
 - (iii) Puan Siti Zaroha binti Nasharuddin (Bendahari).
 - (b) Lembaga FELDA telah mencalonkan tiga (3) anggota daripada kalangan Pegawai Kanan FELDA bagi sesi 2025/2026 iaitu:
 - (i) YBhg. Dato' Mohd Banuri bin Aris (Pengerusi);
 - (ii) Encik Ahmad Syaarani bin Azulan (Setiausaha); dan
 - (iii) Puan Iswanie binti Tormodi (Bendahari).
 - (c) Mengikut peruntukan fasal (1) UUK 38, satu pertiga daripada bilangan anggota Lembaga yang dipilih di bawah perenggan (a) fasal (1) UUK 36 juga akan mengosongkan jawatan mereka secara bergilir-gilir pada tiap-tiap MAPT. Tiga (3) anggota Lembaga yang mengosongkan jawatan bagi MAPT Ke-44 ialah:

Bil	Nama	Kategori	Wilayah
1	Encik Sulong Jamil bin Mohamed Shariff	Peneroka	Trolak II
2	Encik Samsudin bin Othman	Peneroka	Johor Bharu IV
3	YBhg. Dato' Zakaria bin Arshad	Kakitangan	Kuala Lumpur

- (d) Seramai sembilan (9) perwakilan iaitu tujuh (7) daripada kategori peneroka dan dua (2) daripada kategori kakitangan telah mengemukakan borang pencalonan untuk bertanding mengisi tiga (3) kekosongan anggota Lembaga iaitu:

Bil	Nama	Kategori	Wilayah
1	Encik Abd Halim bin A Razak	Koperasi Anggota	Segamat
2	Encik Azidy bin Daud	Peneroka	Jengka I
3	Encik Buliah bin Kasim	Peneroka	Johor Bahru II
4	Encik Mohammad Yahya bin Zakaria	Peneroka	Raja Alias I
5	YBhg. Dato' Hj Rafa'ai bin Samsi	Peneroka	Segamat II
6	Encik Sulong Jamil bin Mohamed Shariff	Peneroka	Trolak II
7	Encik Zaid bin Sidek	Peneroka	Kuantan II
8	Encik Helmi Fakhzan bin Abd Wahab	Kakitangan	Kuala Lumpur
9	YBhg. Dato' Zakaria bin Arshad	Kakitangan	Kuala Lumpur

- Disahkan:**
- (a) YBhg. Dato' Mohd Banuri bin Aris, Encik Ahmad Syaarani bin Azulan dan Puan Iswanie binti Tormodi dilantik sebagai anggota Lembaga KPF sesi 2025/2026 untuk menyandang jawatan sebagai Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari, setelah dicadangkan oleh Encik Basyuni bin Sumrah (Kuala Lumpur) dan disokong Encik Abd Hadi bin Mohamad (Felda Segamat B).
 - (b) Keputusan muktamad undian bagi pemilihan tiga (3) calon Lembaga KPF sesi 2025/2026 adalah seperti berikut:

(i) **Kategori Peneroka:**

Bil.	Nama	Jumlah Undi
1.	Encik Abd Halim bin A Razak	377
2.	Encik Azidy bin Daud	274
3.	Encik Buliah bin Kasim	41
4.	Encik Mohammad Yahya bin Zakaria	456
5.	YBhg. Dato' Hj Rafa'ai bin Samsi	214
6.	Encik Sulong Jamil bin Mohamed Shariff	512
7.	Encik Zaid bin Sidek	496

(ii) **Kategori Kakitangan:**

Bil.	Nama	Jumlah Undi
1.	Encik Helmi Fakhzan bin Abd Wahab	813
2.	YBhg. Dato' Zakaria bin Arshad	372

- (c) Berdasarkan kepada keputusan undian, Encik Sulong Jamil bin Mohamed Shariff (Kategori Peneroka), Encik Zaid bin Sidek (Kategori Peneroka) dan Encik Helmi Fakhzan bin Abd Wahab (Kategori Kakitangan) dilantik menganggotai Lembaga KPF bagi sesi 2025/2026.

13. Agenda 11: Meluluskan Pelantikan Firma Audit Bagi Mengaudit Akaun Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025.

Dibentangkan: Setiausaha membentangkan Agenda 11.

- Dilaporkan:**
- (a) Susulan mandat MAPT Ke-43, Lembaga telah melantik Tetuan Al Jafree Salihin Kuzaimi PLT (ASK) untuk mengaudit akaun dan menyediakan penyata kewangan teraudit bagi tahun kewangan 2024.
 - (b) ASK juga merupakan juruaudit yang berkelayakan dan berdaftar dengan SKM serta memenuhi syarat-syarat yang terkandung dalam Garis Panduan 26: Juruaudit Yang Diberi Kelulusan Mengaudit Di Bawah Seksyen 61 Akta Koperasi 1993 (GP26) iaitu:
 - (i) diluluskan mengaudit oleh SKM;
 - (ii) mempunyai lesen amal dengan Institut Akauntan Malaysia (MIA);
 - (iii) memperoleh kelulusan mengaudit di bawah subseksyen 263(4) Akta Syarikat 2016 daripada Perbendaharaan Malaysia; dan
 - (iv) berdaftar dengan Lembaga Pemantau Audit (AOB) Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC).

Diluluskan: Tetuan Al Jafree Salihin Kuzaimi PLT (ASK) dilantik semula untuk melaksanakan kerja-kerja pengauditan dan penyediaan penyata kewangan bagi tahun 2025, setelah dicadangkan oleh Encik Kamarudin bin Ismail (Felda Sungai Kemahal) dan disokong oleh Encik Azlin bin Abdullah (Felda Jengka 18).

14. Agenda 12: Membentang Dan Menimbangkan Pemakaian Undang-Undang Kecil Seragam Dan Pindaan Undang-Undang Kecil.

Dibentangkan: Setiausaha membentangkan Agenda 11.

- Dilaporkan:**
- (a) Setiausaha menerangkan justifikasi berkaitan cadangan pindaan undang-undang kecil (UUK) seperti berikut:

(i) Cadangan Pindaan 1 – Kelayakan Menjadi Anggota:

Peruntukan untuk pengekaln anggota tiada dalam UUK sedia ada dan perlu diwujudkan selari dengan keperluan pentadbiran dan operasi.

(ii) Cadangan Pindaan 2 – Fi Masuk:

Peruntukan diwujudkan selari dengan peruntukan UUK Seragam Suruhanjaya. Jumlah yang ditetapkan adalah bentuk penalti kepada anggota yang dahulunya berhenti menjadi anggota iaitu sepuluh kali ganda fi masuk.

(iii) Cadangan Pindaan 3 – Perolehan Hak, Kewajipan Dan Liabiliti Anggota:

Kenaikan kadar syer minima terpakai kepada anggota baharu bersesuaian dengan keadaan semasa dan amalan koperasi-koperasi lain.

(iv) Cadangan Pindaan 4(A) – Terhenti Keanggotaan:

Pindaan bagi penyusunan & penambahbaikan (UUK sedia ada fasal (2) UUK 20 dialih ke fasal (2) UUK 21).

(v) Cadangan Pindaan 4 - Terhenti Menjadi Anggota:

(4) Pengekaln keanggotaan pesara diselaraskan seperti peruntukan pengekaln bagi Kumpulan Peneroka yang keluar daripada Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok), 1960.

(5) Peruntukan untuk pengekaln anggota dari tanah rancangan yang terbatal dari Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok), 1960 tiada dalam UUK sedia ada dan perlu diwujudkan selari dengan keperluan pentadbiran dan operasi.

Contoh: Felda Sg Buaya, Felda LBG Johnson, Felda Bukit Cherakah 1, Felda Sendayan dan Felda Cahaya Baru.

(vi) Cadangan Pindaan 5 - Pemilihan Perwakilan Anggota Individu Dan Urusan Mesyuarat Agung Kawasan:

Pengurangan perwakilan untuk hadir ke MAPT bagi melancarkan urusan mesyuarat supaya lebih praktikal dan efektif. Pemilihan perwakilan juga perlu mempunyai wakil dari setiap kawasan yang terlibat supaya adil serta mempunyai hak dan kepentingan anggota.

(vii) Cadangan Pindaan 6 - Modal Syer:

Kenaikan kadar syer minima terpakai kepada anggota baharu bersesuaian dengan keadaan semasa dan amalan koperasi-koperasi lain.

(viii) Cadangan Pindaan 7 - Pengeluaran Modal Syer:

Peruntukan baharu diwujudkan bagi membolehkan anggota membuat pengeluaran modal syer. Sekiranya peruntukan ini tidak diwujudkan anggota tidak boleh membuat pengeluaran seperti mana teguran Suruhanjaya sebelum ini.

Soalan**Perwakilan:**

- (a) Encik Tajudin bin Ahmad (Felda Teloi Kanan) menyatakan bahawa cadangan yang dibentangkan adalah cadangan daripada Lembaga dan bukannya daripada para perwakilan. Oleh itu, beliau menegaskan bahawa perwakilan tidak akan memberikan kelulusan secara menyeluruh (*blanket approval*) terhadap semua cadangan yang diusulkan. Beliau juga memaklumkan bersetuju dengan cadangan menetapkan syer minimum RM1,000 memandangkan ia bersesuaian dengan kadar pulangan dividen semasa iaitu 6.0%. Beliau mencadangkan sekiranya pindaan pengurangan bilangan perwakilan dilaksanakan, MAPT hendaklah diadakan secara fizikal sepenuhnya bagi memastikan keadilan dari segi kehadiran, elaun, dan hak bersuara.

- (b) Encik Mohammad Yahya bin Zakaria (Felda Pasoh 2) berpendapat sekiranya cadangan pindaan 5 diluluskan jumlah perwakilan akan berkurang separuh daripada jumlah biasa. Beliau menzahirkan kebimbangan bahawa pengurangan ini akan menyebabkan penyusutan kuasa suara perwakilan dalam MAPT. Beliau berpendapat suara perwakilan lebih signifikan jika dibandingkan dengan justifikasi KPF berkaitan cadangan tersebut. Beliau menyatakan sekiranya cadangan pindaan 5 dibuat jumlah perwakilan akan kurang separuh menjadi tiap-tiap 400 orang anggota, seorang perwakilan berbanding tiap-tiap 200 orang anggota, seorang perwakilan. Beliau bertanyakan persetujuan perwakilan berkaitan cadangan pindaan 5 tersebut dan beliau juga menyatakan secara peribadi menolak usul cadangan pindaan 5 tersebut.
- (c) Encik Abdull Rahman bin Mohd Isa (Felda Kota Gelanggi 3) menyatakan persetujuan cadangan pindaan 5 tersebut dengan syarat Lembaga boleh memberi jaminan bahawa kadar dividen pada tahun hadapan tidak melebihi 15%. Beliau memohon YBhg. Dato' Zainal Abidin bin Ahmad (Dato' Zainal) dan Dato' Ramli untuk memberi pandangan berkaitan perkara tersebut.

Ulasan

Dato' Zainal:

- (a) Dato' Zainal menjelaskan bahawa pembahagian keuntungan (dividen) adalah berdasarkan keuntungan tahun semasa. Beliau memohon kerjasama dan doa anggota-anggota untuk membantu Lembaga dan Pengurusan dalam meningkatkan keuntungan KPF. Beliau juga menyatakan bahawa sokongan daripada anggota-anggota diperlukan oleh Lembaga dan Pengurusan dalam memikul tanggungjawab untuk menaikkan KPF ke tahap yang lebih baik. Beliau berpandangan keuntungan KPF tidak akan meningkat sekiranya anggota hanya sekadar memberi tekanan kepada Lembaga dan Pengurusan.
- (b) Beliau berpandangan projek D'Mart Segi perlu dibincangkan dengan lebih terperinci bagi menjaga kepentingan peneroka dan KPF. Beliau juga menyarankan supaya anggota-anggota memberi sokongan kepada produk KPF Niaga seperti stesen minyak dan insurans bagi meningkatkan keuntungan. Beliau menyeru semua anggota supaya mendoakan supaya kadar bayaran dividen sebanyak 15% dapat direalisasikan.

Ulasan

Setiausaha:

Setiausaha memaklumkan bahawa cadangan pindaan 5 tersebut dikekalkan seperti peruntukan UUK sedia ada.

Ulasan

Perwakilan:

Encik Tajudin bin Ahmad (Felda Teloi Kanan) memberikan analogi dengan membandingkan jumlah petugas Kumpulan KPF melebihi 1,000 orang namun jumlah perwakilan dicadangkan untuk dikurangkan. Beliau juga menyatakan kebimbangan berkenaan jumlah keanggotaan semakin mengecil memandangkan tiada pengganti bagi anggota yang telah meninggal dunia.

Ulasan

Setiausaha:

Setiausaha menjelaskan bahawa pandangan Encik Tajudin bin Ahmad (Felda Teloi Kanan) diambil maklum dan merumuskan semua cadangan pindaan UUK diluluskan kecuali cadangan pindaan 5 yang dikekalkan mengikut peruntukan UUK sedia ada.

Soalan

Perwakilan:

- (a) Puan Inoon binti Mohd Rifa (Felda Keratong 1) memaklumkan bahawa pada MAPT Ke-43, beliau telah mencadangkan supaya MAPT akan datang tidak dilaksanakan secara dalam talian. Beliau turut mencadangkan agar tiada bayaran elaun kehadiran diberikan sekiranya perwakilan menghadiri mesyuarat secara dalam talian.
- (b) Encik Basyuni bin Sumrah (Kuala Lumpur) menerima cadangan pemakaian Undang-undang Kecil Seragam dan pindaan Undang-undang Kecil kecuali cadangan pindaan 5.

Diluluskan: Encik Tajudin bin Ahmad (Felda Teloi Kanan) mencadangkan dan disokong oleh Encik Basyuni bin Sumrah (Kuala Lumpur), perkara-perkara berikut:

- (a) Senarai peruntukan utama dipinda berdasarkan kepada keseluruhan UUK SKM dan bagi perkara-perkara berikut:
 - (i) Kelayakan Menjadi Anggota;
 - (ii) Fi Masuk;
 - (iii) Perolehan Hak, Kewajipan Dan Liabiliti Anggota;
 - (iv) Terhenti Menjadi Keanggotaan;
 - (v) Pemilihan Perwakilan Anggota Individu Dan Urusan MAK kecuali bilangan perwakilan dikekalkan pada 200 anggota kepada satu (1) perwakilan seperti UUK sedia ada;
 - (vi) Modal Syer; dan
 - (vii) Tambahan pindaan berkaitan Pengeluaran Modal Syer.
- (b) Cadangan pemakaian Undang-undang Kecil (UUK) Seragam dan cadangan pindaan lain; dan
- (c) Pemakaian dan UUK Seragam dan pindaan UUK ini tertakluk kepada pindaan Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

15. Agenda 13: Membentang Dan Menimbangkan

- (A) Aturan Pengeluaran Modal Syer; Dan
- (B) Aturan Khairat Kematian (Pindaan)

Dibentangkan: Setiausaha membentangkan Agenda 13.

Dilaporkan: Aturan Pengeluaran Modal Syer:

- (a) Amalan semenjak penubuhan KPF, pengeluaran modal syer yang melebihi nilai minima syer anggota boleh dibuat pada bila-bila masa selepas tempoh matang.
- (b) Amalan ini tidak mengikut peruntukan yang terkandung dalam:
 - (i) UUK 59:
 - a. pengeluaran syer melalui pemindahan syer anggota kepada anggota lain tertakluk dengan kelulusan koperasi;
 - b. syer seorang anggota meninggal dipindahkan kepada penama dalam masa 6 bulan selepas kematian anggota;
 - (ii) UUK60
 - a. syer boleh dikeluarkan apabila tamat keanggotaan;
 - b. syer boleh ditebus melalui KWPS dan KWRS tertakluk kepada peraturan; atau
 - c. syer yang ditebus diterbitkan semula sebagai syer bonus (fasal (2).
- (c) SKM telah mengeluarkan teguran kepada KPF berkaitan:
 - (i) pengeluaran syer yang tidak mematuhi UUK;
 - (ii) tiada aturan khas pengeluaran syer; dan
 - (iii) tidak mengadaptasi UUK seragam yang diwartakan SKM pada 2022.

- (d) Kesan pengeluaran syer yang tinggi dan tidak terkawal:
- (i) aset pelaburan terpaksa dilupuskan atau dicairkan bagi memenuhi tuntutan pengeluaran, tunai atau modal tidak dapat diulang jana untuk aktiviti pelaburan dan perniagaan;
 - (ii) memberi kesan kepada aktiviti pelaburan dan perniagaan, dana dibawah pengurusan menguncup daripada RM5.3 bilion pada 2015 kepada RM3.9 bilion pada tahun semasa.
 - (iii) memberi impak kepada prestasi kewangan seterusnya memberi kesan kepada kadar dividen boleh agih.

Aturan Khairat Kematian

- (a) Aturan khairat kematian diluluskan di MAPT Ke-21 pada 21 Jun 2009.
- (b) Kelayakan Khairat Kematian:

Bil.	Kematian	Kadar Bantuan Khairat Kematian	
		Semasa (RM)	Pindaan (RM)
1.	Anggota	1,000	1,000
2.	Isteri/Suami	500	-
3.	Anak	250	-

- (c) Perbandingan Khairat Kematian Koperasi/Entiti Lain:

Bil.	Organisasi	Jumlah (RM)	Kematian		
			Anggota (RM)	Isteri/Suami (RM)	Anak (RM)
1.	KPF	100	1,000	500	250
2.	KGFB	3,000	1,000	500	300
3.	FELKOP	100	2,000	500	250
4.	Kop. Sahabat	1,000	500	-	-
5.	Kop. Tentera	1,000	Takaful	-	-
6.	Tabung Haji	Pilihan Individu (Bayaran Takaful dari Anggota)			
7.	ASB	Mengikut simpanan si mati Simpanan bawah RM1,000 - Sumbangan Khairat RM200 Simpanan RM1,000 ke atas – Sumbangan Khairat RM500			

Soalan

Perwakilan:

- (a) Encik Mohammad Yahya bin Zakaria (Felda Pasoh 2) mengambil maklum berkaitan dua (2) cadangan aturan tersebut. Beliau memaklumkan bahawa berdasarkan perbincangan bersama beberapa perwakilan terdapat kebimbangan berkaitan cadangan KPF untuk meminda sistem pembayaran khairat kematian yang mana pemberian khairat kepada pasangan (RM500) dan anak (RM250) akan dihentikan dan hanya mengekalkan bayaran khairat anggota sahaja sebanyak RM1,000.
- (b) Beliau berpandangan bahawa cadangan pindaan ini seolah-olah mengurangkan kebajikan dan manfaat anggota kerana tiada sebarang kenaikan dibuat kepada kadar bayaran khairat anggota walaupun tiada bayaran bagi dua kategori penerima (pasangan dan anak). Beliau memohon penjelasan Lembaga sama ada pindaan ini dibuat untuk memberi keuntungan atau kerugian kepada anggota. Beliau mencadangkan supaya bayaran khairat anggota dinaikkan daripada RM1,000 kepada RM3,000 atau RM1,500. Beliau menyeru perwakilan untuk mempertimbangkan cadangan ini dalam melindungi kepentingan anggota.

Ulasan**Setiausaha:**

Setiausaha menjelaskan bahawa cadangan pindaan khairat kematian dibuat adalah untuk menggalakkan lebih ramai menjadi anggota KPF termasuk pasangan dan anak. Beliau memberikan contoh sebelum ini bayaran khairat kematian untuk pasangan dan anak masing-masing pada kadar RM500 dan RM250 namun dengan pindaan ini isteri dan anak yang menjadi anggota akan menerima sebanyak RM1,000 berbanding kadar semasa (RM500/RM250). Ini merupakan asas pertimbangan Lembaga ketika mencadangkan pindaan aturan ini.

Soalan**Perwakilan:**

- (a) Encik Mohammad Yahya bin Zakaria (Felda Pasoh 2) bertanya sebab bayaran khairat kematian anggota tidak dinaikkan. Walau bagaimanapun, beliau bersetuju dengan syor Lembaga untuk menggalakkan keanggotaan.
- (b) Encik Azidy bin Daud (Felda Jengka 5) menzahirkan kebimbangan terhadap terma dan syarat pengeluaran syer yang memberikan kuasa budi bicara (*discretionary*) kepada Lembaga untuk meluluskan pengeluaran syer. Beliau menyatakan tidak bersetuju dengan terma tersebut. Beliau memberi contoh jika seseorang anggota mempunyai modal syer berjumlah RM500,000 dan permohonan anggota tersebut tidak diluluskan oleh Lembaga disebabkan isu aliran tunai maka wang tersebut akan terikat tanpa jangka masa yang jelas atau sehingga pemiliknya meninggal dunia. Oleh itu, beliau mencadangkan supaya terma dan syarat dipatuhi tanpa tertakluk kepada budi bicara Lembaga.
- (c) Beliau juga mencadangkan supaya keputusan kepada agenda yang dibentang dalam MAPT perlu ditambah baik dengan mengambil kira keputusan individu sebagai perwakilan dan tidak hanya menjurus kepada pandangan sesetengah perwakilan yang lantang bersuara. Beliau juga mencadangkan supaya KPF mengaplikasikan penggunaan teknologi dalam mendapatkan keputusan semua perwakilan bagi setiap agenda yang dibentangkan.
- (d) Encik Tajudin bin Ahmad (Felda Teloi Kanan) mencadangkan supaya KPF merujuk sistem skim perlindungan takaful Lembaga Tabung Haji (TH). Beliau memaklumkan TH hanya mengenakan bayaran sebanyak RM28 tetapi memberikan perlindungan sehingga RM10,000 manakala skim KPF masih pada kadar RM1,000 yang disifatkan sebagai tidak mencukupi untuk menampung keperluan kematian. Beliau juga mencadangkan bayaran khairat tidak menggunakan wang KPF dan bayaran dividen ditukar menjadi perlindungan takaful. Oleh itu, beliau berharap sekiranya berlaku kematian, waris boleh menerima RM10,000 supaya dapat membantu meringankan beban.

Ulasan**Setiausaha:**

Setiausaha mengambil maklum pandangan dan teguran yang dikemukakan dan akan diangkat dalam Mesyuarat Lembaga.

Soalan**Perwakilan:**

- (a) Encik Zukefley bin Jaafar (Felda Palong 12) menekankan bahawa isu berkaitan khairat kematian harus ditangani dengan teliti kerana ia melibatkan kebajikan anggota dan waris. Beliau turut menyatakan ketidakadilan mengenai syarat syer minimum sebanyak RM1,000 yang ditetapkan untuk melayakkan anggota menerima manfaat khairat kematian.
- (b) Beliau juga menyentuh berkaitan terma penjualan syer iaitu tertakluk kepada budi bicara Lembaga untuk menentukan jumlah dan kelulusan pengeluaran syer oleh anggota. Beliau berpandangan ianya sebagai kurang adil. Sehubungan dengan itu, beliau menekankan perlunya keseimbangan antara kawalan Lembaga dan hak anggota sebagai pelabur dan menyeru supaya prinsip "*give and take*" diamalkan dalam membuat sebarang keputusan. Beliau juga merakamkan ucapan tahniah kepada anggota Lembaga yang baharu dilantik.

Ulasan

Setiausaha: Setiausaha menjelaskan syarat syer minimum RM1,000 untuk kelayakan khairat kematian bertujuan untuk menggalakkan simpanan dan komitmen anggota. Walau bagaimanapun, beliau terbuka untuk menilai semula cadangan tersebut. Sehubungan dengan itu, beliau mencadangkan supaya syarat syer minimum untuk kelayakan khairat dikurangkan kepada RM500 berbanding RM1,000.

Diluluskan: **Encik Bahrom bin Ahmad (Felda Palong 13) mencadangkan dan disokong oleh Encik Anuar bin Mohd Mustakim (Felda Sungai Tekam Utara), cadangan pemakaian:**

- (a) **Aturan Pengeluaran Modal Syer; dan**
- (b) **Aturan Khairat Kematian (Pindaan) dengan pindaan syarat syer minimum daripada RM1,000 kepada RM500 bagi kelayakan khairat kematian.**

16. Agenda 14: Membentangkan Dan Menimbang Usul-usul Perwakilan.

Dibentangkan: Pengerusi membentangkan Agenda 14.

- Dilaporkan:**
- (a) Borang usul telah diedarkan kepada perwakilan bertarikh 28 Februari 2025 untuk perwakilan mengemukakan usul-usul bertulis sebelum atau pada 31 Mac 2025. Sehingga tarikh akhir, sebanyak 11 usul telah diterima daripada perwakilan.
 - (b) Lembaga meneliti kesemua usul yang diterima dan mendapati ada usul yang boleh dipertimbangkan dan ada usul yang berupa cadangan bagi urusan pentadbiran dan aktiviti.
 - (c) Ulasan Lembaga kepada usul-usul yang dikemukakan perwakilan adalah seperti di buku agenda MAPT Ke-44 yang diedarkan.

Soalan

- Perwakilan:**
- (a) Encik Sufian bin Mohamad Dan @ Yaacob (Felda Sungai Kelamah) bertanyakan status usul yang telah dikemukakan berkaitan pembinaan *ramp* di Felda Sungai Kelamah. Beliau memaklumkan bahawa walaupun KPF telah membeli hasil peneroka di kawasan tersebut namun urusan *ramp* masih dijalankan oleh pihak swasta. Beliau mencadangkan supaya KPF membina *ramp* sendiri memandangkan terdapat lapan (8) rancangan Felda berdekatan yang boleh memberikan pulangan keuntungan kepada KPF dan perkara ini perlu diberi perhatian.
 - (b) Selain itu, beliau memaklumkan keadaan bangunan D'Mart di Felda Sungai Kelamah yang tidak terurus dan terbiar.

Ulasan

- Dato' Pengerusi:**
- (a) Dato' Pengerusi merakamkan ucapan terima kasih atas cadangan yang dikemukakan. Beliau memaklumkan bahawa perkara telah diambil tindakan oleh pihak FELDA melalui program di Felda Lok Heng baru-baru ini. Dalam program tersebut telah diumumkan terdapat enam (6) kawasan yang terlibat termasuk Felda Sungai Kelamah.
 - (b) Dato' Pengerusi juga menjelaskan usul berkaitan *ramp* telah direkodkan dan dijawab sebagai usul nombor 11 seperti di buku agenda MAPT Ke-44. Beliau juga menerangkan bahawa Jawatankuasa (JK) telahpun membuat lawatan ke tapak berkenaan namun hasil semakan mendapati kawasan tersebut dikenal pasti tidak sesuai untuk pembinaan *ramp*. Buat masa ini, JK sedang merangka untuk mendapatkan tapak yang lebih sesuai. JK mencadangkan dan mengenal pasti kawasan yang hampir bagi pembinaan *ramp* tersebut ialah di Pusat Mengumpul Sawit (PMS) di Felda Jelai 2.

Soalan

- Perwakilan:**
- (a) Encik Sufian bin Mohamad Dan @ Yaacob (Felda Sungai Kelamah) memaklumkan bahawa buat masa ini hasil peneroka dari Sungai Kelamah yang dibeli oleh KPF masih dihantar ke *ramp* milik swasta dan *ramp* swasta tersebut kemudiannya menghantar hasil tersebut ke kilang swasta juga. Beliau memohon penjelasan berkaitan kadar keuntungan kepada KPF dan peneroka. Beliau juga memaklumkan harga yang ditawarkan oleh kilang FGV adalah lebih tinggi berbanding kilang swasta. Beliau menekankan bahawa sepatutnya hasil peneroka dihantar ke *ramp* milik sendiri dan seterusnya ke kilang FGV yang menawarkan harga lebih tinggi iaitu 20% berbanding hanya 18.2% yang diterima daripada kilang swasta. Beliau meminta supaya KPF mengambil perhatian kerana ia melibatkan kepentingan bersama.

Ulasan**Ketua Jabatan****Perladangan:**

- (a) Encik Mohd Shah Rezza bin Yahya (Encik Shah Rezza) selaku Ketua Jabatan Perladangan menjelaskan bahawa KPF telah mempunyai persetujuan bersama dengan pembeli semasa dimana bagi setiap tan yang diurus niaga oleh KPF mempunyai margin keuntungan.
- (b) Beliau juga memaklumkan bahawa peneroka di Felda Raja Alias dan lapan (8) rancangan yang terlibat masih mendapat kadar perahan dan kos operasi yang sama dan penglibatan KPF ini tidak menjejaskan pendapatan peneroka.
- (c) Beliau memberi penekanan bahawa pengurusan dan Lembaga akan mengkaji semula struktur operasi yang boleh diperbaiki oleh KPF bagi menyokong model operasi pembelian BTS ini.

Soalan**Perwakilan:**

- (a) Encik Sufian bin Mohamad Dan @ Yaacob (Felda Sungai Kelamah) sekali lagi menekankan bahawa wujud perbezaan ketara antara harga yang ditawarkan oleh FGV dan pembeli semasa iaitu 20% berbanding 18% walaupun buah yang dihantar adalah sama. Beliau juga menyatakan bahawa KPF perlu mempertimbangkan kepentingan peneroka kerana peneroka juga penyumbang kepada keuntungan KPF.

Ulasan**Setiausaha:**

- (a) Setiausaha memaklumkan perkara berkaitan perbezaan harga antara kilang FGV dan kilang swasta akan diteliti. Beliau juga menjelaskan bahawa beliau pernah bertugas sebagai Pengarah Wilayah Raja Alias dan mengetahui bahawa operasi PMS di Felda Sungai Kelamah, Felda Bukit Rokan dan Felda Palong adalah dijalankan oleh operator swasta kerana kawasan ini dahulunya adalah rancangan getah dan tidak mempunyai kilang sawit FGV.
- (b) Beliau memaklumkan maklumat lanjut berkaitan isu perbezaan harga tersebut akan dijawab secara bertulis.

Soalan**Perwakilan:**

- (a) Encik Sufian bin Mohamad Dan @ Yaacob (Felda Sungai Kelamah) berharap supaya maklum balas yang diberikan secara telus.
- (b) Beliau juga mengulangi soalnya berkaitan kawasan kedai D'Mart di Felda Sungai Kelamah yang tidak terurus dan terbiar. Beliau dimaklumkan bahawa pihak FELDA telah memaklumkan perkara tersebut kepada KPF dan sehingga kini masih tiada maklum balas. Selain itu, beliau juga bertanya status proses penghantaran/pergerakan buah sawit.

Ulasan**Dato' Pengerusi:**

- (a) Dato' Pengerusi menerangkan KPF akan mengkaji semula berkaitan proses pergerakan buah sawit di Felda Sungai Kelamah.
- (b) Beliau memaklumkan status kedai D'Mart di kawasan tersebut masih belum dimasukkan dalam senarai untuk dibangunkan buat masa ini. Beliau juga menerangkan KPF masih dalam proses untuk mendapatkan kawasan-kawasan yang strategik. Walau bagaimanapun, kawasan tersebut dalam perancangan dan tarikhnya akan dimaklumkan kemudian.

Soalan**Perwakilan:**

- (a) Encik Othman bin Chin (Felda Keratong 4) menyatakan bahawa beliau tidak berpuas hati dengan penjelasan diberikan terhadap usul berkaitan penangguhan cadangan penjualan aset Ladang Samarahan yang telah dikemukakan. Beliau berpandangan bahawa justifikasi penjelasan tersebut hanya berdasarkan rasionalisasi aset.
- (b) Beliau menzahirkan kebimbangan terhadap unjuran pendapatan KPF pada tahun akan datang yang dijangka menurun lebih daripada 60% atau melebihi 65%. Beliau mempersoalkan pulangan daripada penjualan aset yang melebihi RM1 bilion berbanding pendapatan yang boleh dijana sekiranya aset tersebut dikekalkan.

- (c) Beliau turut membandingkan hasil daripada ladang yang mampu menjana pendapatan tahunan RM300 hingga RM400 juta dengan pelaburan dalam bentuk hartanah yang hanya memberikan pulangan sekitar RM8 juta setahun bagi nilai pelaburan yang sama. Oleh itu, beliau mencadangkan supaya keputusan penjualan aset tersebut dibuat secara lebih teliti dan berpanduan justifikasi yang kukuh.
- (d) Beliau juga menyentuh tentang amanat daripada SKM dan ucapan perasmian oleh YBhg. Dato' Sri Pengerusi FELDA yang menyarankan penyelesaian alternatif kepada kekangan kewangan melalui instrumen pasaran modal. Beliau berpendapat barisan Lembaga yang terdiri daripada individu berpengetahuan tinggi seharusnya mampu mencari strategi kewangan yang lebih berkesan.
- (e) Beliau mengingatkan bahawa asas penubuhan KPF bermula dengan pertanian dan perladangan ianya juga adalah sumber utama pendapatan peneroka. Komposisi pertanian ini juga penyumbang utama kepada struktur perolehan KPF. Oleh itu, sebarang tindakan yang menjejaskan struktur asas ini perlu dikaji semula.
- (f) Beliau menyatakan rasa terkejut kerana KPF tidak lagi tersenarai dalam Indeks 100 Koperasi Terbaik Malaysia yang mana sebelum ini berada di kedudukan pertama. Beliau berpandangan perkara ini memalukan walhal terdapat pemegang syer KPF (koperasi anggota) berada dalam senarai Indeks 100 Koperasi Terbaik Malaysia.
- (g) Beliau memohon penjualan aset ladang Samarahan ditangguhkan sehingga satu kajian semula dibuat bagi mengatasi kehilangan pendapatan berjumlah ratusan juta ringgit.

Ulasan

Puan Sakinah:

- (a) Puan Sakinah menjelaskan bahawa penjualan Ladang Samarahan adalah sebahagian daripada pelan rasionalisasi aset pelaburan seperti yang dicadangkan dalam laporan Jawatankuasa *Task Force*. Beliau menerangkan antara kriteria pelaksanaan penstrukturan aset pelaburan adalah berdasarkan *non-generating* dan *low-yielding*. Pelaksanaan penstrukturan tersebut akan memberi fokus kepada aset-aset pelaburan yang tidak menjana pulangan atau pulangan yang kecil dan operasi Ladang Samarahan dikenal pasti sebagai aset yang menjana pulangan yang rendah (*low-yielding*).
- (b) Beliau juga menerangkan meskipun pendapatan daripada ladang dianggarkan sekitar RM300 juta bagi tahun 2025 namun kos operasi juga tinggi.
- (c) Pendapatan 2026 menurun dengan andaian Ladang Samarahan dijual. Walaupun ianya menjejaskan pendapatan namun keuntungan KPF masih boleh dikekalkan. Hasil pelupusan ladang tersebut dicadang untuk digunakan dalam pelaburan baharu yang boleh menjana pulangan yang lebih tinggi. Bagi rekod semasa, keuntungan operasi Ladang Samarahan hanya boleh menjana RM30 juta hingga RM40 juta walaupun nilai pendapatan mencecah RM300 juta.
- (d) Beliau memaklumkan ekseseis penstrukturan aset pelaburan melibatkan pelupusan Ladang Samarahan, pelupusan aset hartanah dan penstrukturan pelaburan dalam Syarikat Kumpulan FGV. Hasil daripada ekseseis tersebut akan digunakan untuk menyelesaikan isu pengeluaran syer tertunggak, penyusunan semula aset pelaburan strategik (*strategic asset allocation*) dan lain-lain pelaburan yang boleh menjana pulangan yang lebih optimum.
- (e) Beliau menjelaskan berdasarkan pelan strategik dan hala tuju, KPF yakin pendapatan daripada operasi Ladang Samarahan dapat diganti dengan pendapatan lain. Beliau juga menerangkan bahawa tahun 2026 merupakan tahun transisi bagi KPF untuk menyusun semula aset pelaburan.
- (f) Beliau juga menerangkan meskipun Ladang Samarahan dijual, KPF masih kekal dalam sektor perladangan melalui aktiviti berkaitan perladangan (*plantation related*) di mana FELDA telah melantik KPF sebagai ejen tunggal untuk menjalankan aktiviti belian BTS dan operasi PMS melalui usaha sama koperasi/pertubuhan peneroka di rancangan sebagai rakan muafakat.

Diambil maklum: Penjelasan dan ulasan Lembaga kepada usul perwakilan.

17. Penangguhan Mesyuarat

- (a) YBhg. Dato' Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada para perwakilan, wakil SKM Wilayah Persekutuan, pihak keselamatan dari Felda Security Services Sdn Bhd (FELSCO), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) serta semua yang terlibat.
- (b) YBhg. Dato' Pengerusi juga merakamkan terima kasih kepada Encik Mohd Helmi Fakhzan bin Abd Wahab (Setiausaha), Puan Siti Zaroha binti Nasharuddin (Bendahari), Encik Samsudin bin Othman yang telah lama berkhidmat sebagai anggota Lembaga dan YBhg. Dato' Zakaria bin Arshad yang mewakili kakitangan.
- (c) Beliau juga mengucapkan tahniah dan selamat maju jaya kepada Encik Ahmad Syaarani bin Azulan (Setiausaha) dan Puan Iswanie binti Tormodi (Bendahari) sebagai anggota Lembaga yang baharu mulai hari ini sehinggalah sesi yang akan datang.
- (d) YBhg. Dato' Pengerusi berterima kasih kepada calon-calon yang menzahirkan hasrat untuk menabur bakti di KPF dengan bertanding sebagai calon Lembaga. YBhg. Dato' Pengerusi juga mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada anggota Lembaga sesi 2025/2026 yang baru dilantik iaitu Encik Sulong Jamil bin Mohamed Shariff dan mantan Lembaga Encik Zaid bin Sidek manakala bagi kategori kakitangan Encik Mohd Helmi Fakhzan bin Abd Wahab memikul jawatan baharu sebagai anggota Lembaga.
- (e) YBhg. Dato' Pengerusi juga turut mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada barisan pengurusan, Puan Sakinah binti Salleh selaku Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dan pasukan kerana sentiasa memberikan sokongan penuh kepada anggota Lembaga dan komitmen tidak berbelah bahagi.
- (f) YBhg. Dato' Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Audit Dalaman yang peka dan sentiasa memberi komitmen terbaik tidak mengira masa dan waktu.
- (g) YBhg. Dato' Pengerusi berharap semoga KPF terus menjadi koperasi yang cemerlang dalam gerakan koperasi di Malaysia dan beliau menyeru seluruh anggota terus kekal menaruh kepercayaan dan sokongan kepada KPF.
- (h) YBhg. Dato' Pengerusi dan Lembaga memohon maaf sekiranya ada kekurangan dan kekhilafan semasa mengendalikan mesyuarat ini. YBhg. Dato' Pengerusi memaklumkan bahawa elaun kehadiran mesyuarat akan dibayar ke akaun perwakilan bermula pada hari ini, 26 Jun 2025 (selepas mesyuarat) dan dibayar berdasarkan kepada rekod kehadiran dan pengundian dengan kadar yang telah dipersetujui seperti tahun lepas.
- (i) YBhg. Dato' Pengerusi memaklumkan pada petang ini KPF akan mengeluarkan pemakluman rasmi berkaitan pengisytiharan dividen sebanyak 6.0% yang telah diputuskan sebentar tadi. Manakala pada esok hari, pemakluman berkaitan permohonan e-Dividen pula akan dikeluarkan. Pemohon-pemohon atau perwakilan boleh menyampaikan maklumat tersebut kepada semua pemegang taruh/pemegang syer supaya memohon melalui dalam talian (online) mulai 30 Jun 2025. Pembayaran akan bermula tujuh (7) hari bekerja ataupun pada 10 Julai 2025. Tempoh permohonan e-Dividen adalah dari 30 Jun hingga 29 Julai 2025.
- (j) YBhg. Dato' Pengerusi mengingatkan semula pesanan YBhg. Dato' Sri Pengerusi FELDA kepada pemegang saham FGV untuk mengambil peluang untuk menebus dan mendapatkan tawaran FELDA dengan harga istimewa iaitu RM1.30 tanpa caj broker sebelum harganya akan menurun setelah tawaran ini ditutup dengan berjumpa kakitangan yang berada di kaunter bawah atau Pengurus Rancangan/Pejabat Wilayah.

MAPT Ke-44 ditangguhkan pada jam 3:36 petang.

Lampiran B

**SENARAI KEHADIRAN PERWAKILAN INDIVIDU
MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-44**

Bil	Nama	Kad Pengenalan	Rancangan/ Projek	Wilayah
1	A Rahim Bin Daud	560121015563	Tenggaroh 3	Johor Bahru B
2	A.Raman Bin Saimon	661005055747	Bukit Rokan Utara	Raja Alias A
3	Ab Halin Bin Othman	560812065359	Chini 2	Kuantan A
4	Ab Hamid Bin Ahmad	530911065007	Jengka 23	Jengka B
5	Ab Latif Bin Alang	510415085713	Jengka 11	Jengka A
6	Ab Rahim Bin Abu Hasan	580201045031	Kuala Lumpur	Kuala Lumpur
7	Ab Rahman Bin Taib	560611016083	Kahang Barat	Segamat A
8	Ab Razak Bin Ab Manaf	560821015687	Lok Heng Timur	Johor Bahru B
9	Ab Razak Bin Mohd Nor	540624055235	Kuala Lumpur	Kuala Lumpur
10	Abas Bin Said	500817055323	Palong 4	Raja Alias B
11	Abd Aziz Bin Saad	590120025273	Kuala Lumpur	Kuala Lumpur
12	Abd Azizi Bin Abd Ghani	540912065091	Rentam	Mempaga A
13	Abd Hadi Bin Mohamad	580621015963	Maokil 4	Segamat B
14	Abd Halim Bin Osman	550815085719	Besout 1	Trolak
15	Abd Karim Bin Muhamad Nor	530320065339	Chini 4	Kuantan A
16	Abd Malik Bin Jaafar	580712045383	Wilayah Segamat	Segamat B
17	Abd Mukti Bin Mat Yasin	530617085939	Palong 2	Raja Alias B
18	Abd Mutalib Bin Andot	580222115051	Bukit Bading	Terengganu
19	Abd Razak Bin Abd Rashid	541013016303	Chemplak	Segamat A
20	Abd Razak Bin Adon	770914015593	Tenggaroh 5	Johor Bahru B
21	Abd Razak Bin Ja'Far	600204115125	Mengkawang	Terengganu
22	Abd Razak Bin Jidin	650501065959	Jengka 18	Jengka B
23	Abd Wahab Bin Jusoh	570826115037	Jengka 10	Jengka A
24	Abd.Halim Bin Mohamad	610917015609	Wilayah Segamat	Segamat B
25	Abd.Rahim Bin Bakar	561108065245	Mempaga 2	Mempaga B
26	Abd.Wahab Bin Yusoff	640516025707	Triang 3	Mempaga A
27	Abdul Azim Bin Abdul Latib	550628105825	Bukit Rokan	Raja Alias A
28	Abdul Aziz Bin Awang	480120115159	Kuala Lumpur	Kuala Lumpur
29	Abdul Ghafar Bin Abdul Ghani	770331065599	Purun	Mempaga A
30	Abdul Ghafar Bin Abdul Hamid	540902065231	Chini 1	Kuantan A
31	Abdul Ghafar Bin Said	790615025335	Besout 3	Trolak
32	Abdul Ghani Bin Ijap	500115105699	Jengka 17	Jengka A
33	Abdul Gapor Bin Abdul Rauf	510118055243	Palong 1	Raja Alias A
34	Abdul Hadi Bin Abdul Halim	940216035983	Chiku 7	Gua Musang
35	Abdul Halid Bin Mohammad	590115015097	Palong 14	Raja Alias B
36	Abdul Halim Bin Kubak @ Yak	741108017495	Semenchu	Johor Bahru A
37	Abdul Hamed Bin Misdan	600910106509	Lepar Hilir 2	Kuantan B

Bil	Nama	Kad Pengenalan	Rancangan/ Projek	Wilayah
38	Abdul Hatta Bin Mohd Nawi	780421065153	Kg Soeharto	Trolak
39	Abdul Karim Bin Daud	580328055317	Pasir Besar	Raja Alias A
40	Abdul Karim Bin Noor	630716035433	Kampung Sertik	Mempaga B
41	Abdul Muhaimin Bin Abd Razak	870917015191	Rentam	Mempaga A
42	Abdul Rahaman Bin Nong	630801065311	Wilayah Jengka	Jengka B
43	Abdul Rahim Bin Harun	731025065433	Bukit Goh	Kuantan A
44	Abdul Rahim Bin Jamhari	820714086437	Bersia	Trolak
45	Abdul Rahman Bin Saud	540215025131	Bukit Tangga	Alor Setar
46	Abdul Razak Bin Abd Halim	490924085345	Besout 2	Trolak
47	Abdul Razak Bin Abu	650822045107	Kuala Lumpur	Kuala Lumpur
48	Abdul Razak Bin Din	610828086595	Lasah	Trolak
49	Abdul Razak Bin Mohammad	590529065385	Jengka 18	Jengka B
50	Abdul Samad Bin Harun	760117065089	Lepar Hilir 3	Kuantan B
51	Abdul Samad Bin Mohd Arif	520122015067	Redong 1	Segamat B
52	Abdul Wahid Bin Hassan	561114016191	Ulu Belitong	Segamat A
53	Abdull Karim Bin Ibrahim	570210017033	Keratong 2	Kuantan A
54	Abdull Rahman Bin Mohd Isa	671006025151	Kota Gelanggi 3	Jengka B
55	Abdullah Bin Ismail	610409045027	Palong 16	Raja Alias A
56	Abdullah Shahimi Bin Mohamad Zamri	561108085967	Kuala Lumpur	Kuala Lumpur
57	Abu Bakar Bin Mahmood	510713015393	Lembah Klau	Mempaga B
58	Abu Bakar Bin Zainal	570301016933	Adela	Johor Bahru A
59	Abu Bin Mohd Lop	531006715289	Jelai 2	Raja Alias A
60	Abu Hassan Bin Abdul Manaf	560610065457	Sungai Retang	Jengka B
61	Abu Khir Bin Walid	580501015619	Keratong 1	Kuantan A
62	Abu Samah Bin Abdul Hamid	641228065039	Jengka 18	Jengka B
63	Abu Samah Bin Konel	541005045163	Lepar Hilir 1	Kuantan B
64	Abu Samat Bin Ismail	520515015471	Redong 1	Segamat B
65	Abu Shah Bin Mamat	510324045409	Wilayah Segamat	Segamat B
66	Adabi Bin Arip	591001015915	Tenggaroh 5	Johor Bahru B
67	Addnan Bin Abdullah	481128055343	Palong 4	Raja Alias B
68	Adi Imran Bin Ramli	820313095009	Krau 1	Mempaga B
69	Adnan Bin Abdul Ghani	610305055431	Serting Hilir 1	Raja Alias B
70	Adnan Bin Aziz	590529025439	Teloi Timur	Alor Setar
71	Adnan Bin Samad	670531105251	Tersang 2	Mempaga B
72	Adun Bin Salleh	500613015485	Bukit Wa Ha	Johor Bahru B
73	Adzmi Bin Ismail	570921076099	Lepar Hilir 1	Kuantan B
74	Ahamad Rapani Bin Tarif	511125086165	Sungai Retang	Jengka B
75	Ahmad Azmi Bin Sulaiman	591124065277	Jengka 3	Jengka A
76	Ahmad Bin Abdullah	490511085427	Besout 1	Trolak
77	Ahmad Bin Awang	540330075177	Wilayah Raja Alias	Raja Alias B
78	Ahmad Bin Ayob	660602025875	Lepar Utara 2	Kuantan B

Bil	Nama	Kad Pengenalan	Rancangan/ Projek	Wilayah
79	Ahmad Bin Ibrahim	470805025253	Bukit Kuantan	Kuantan A
80	Ahmad Dawam Bin Jaffar	651105015639	Sungai Sayong	Johor Bahru B
81	Ahmad Fuad Bin Ismail	780121065215	Padang Piol	Jengka B
82	Ahmad Fuad Bin Ismail	791217065037	Keratong 6	Kuantan B
83	Ahmad Helmi Bin Ab Razak	910705035397	Chiku 6	Gua Musang
84	Ahmad Kamil Bin Abu Bakar	880602025191	Lawin Utara	Trolak
85	Ahmad Khidir Syukri Bin Atil	890510015059	Linggiu	Johor Bahru A
86	Ahmad Muhaimin Bin Mohd Hafidz	951017055109	Palong 6	Raja Alias B
87	Ahmad Nasa'l Bin Abdul Aziz	480809105647	Kuala Lumpur	Kuala Lumpur
88	Ahmad Nizam Bin Mohamad	850801015693	Kepis	Raja Alias A
89	Ahmad Pudzi Bin Ismail	570831026469	Sungai Tiang	Alor Setar
90	Ahmad Razi Bin Mohamad	661019665079	Sungai Koyan 2	Mempaga B
91	Ahmad Rifaie Bin Naiman	780823055177	Hutan Percha	Segamat B
92	Ahmad Saari Bin Abd Samat	721224065023	Kota Gelanggi 3	Jengka B
93	Ahmad Saiful Bin Romli	730919065067	Sungai Panching Timur	Kuantan A
94	Ahmad Salim Bin Mahmud	780110066263	Selancar 2	Kuantan B
95	Ahmad Shahrizad Bin Othman	870128065479	Triang 3	Mempaga A
96	Ahmad Uzaini Bin Mohd Ali	790622145423	Kuala Lumpur	Kuala Lumpur
97	Aini Binti Muda	600516115116	Cerul 1	Terengganu
98	Aini Binti Samah	620125065180	Chini 5	Kuantan A
99	Aisah Binti Mohamed	601204106020	Sungai Tengi	Trolak
100	Aizah Binti Mohd Jali	540710065448	Kota Gelanggi 1	Jengka B
101	Aladin Bin Samin	520716015507	Wilayah Segamat	Segamat B
102	Alfian Shah Bin Aris	690608055175	Bukit Rokan Barat	Raja Alias A
103	Ali Bin Ahamed	570406015195	Pasir Raja	Johor Bahru B
104	Ali Bin Ahmad	550422045329	Palong 7	Raja Alias B
105	Ali Bin Dares	591014015519	Nitar 2	Segamat A
106	Ali Hasan Bin Idris	720614045103	Bukit Puchong	Mempaga A
107	Alias Bin Mamat	610402115133	Kerteh 3	Terengganu
108	Alias Bin Miswan	581026055025	Palong 7	Raja Alias B
109	Alwi Bin Mohd Ali	610710065369	Tersang 2	Mempaga B
110	Alzahari Bin Yahya	630201016057	Lok Heng Timur	Johor Bahru B
111	Amaran Bin Yaacob	620720035795	Chiku 1	Gua Musang
112	Aminah Binti Atan	531122015570	Sening	Johor Bahru A
113	Aminah Binti Mohamed	620502065232	Bukit Sagu 1	Kuantan A
114	Aminah Binti Saiman	690202015712	Air Tawar 1	Johor Bahru A
115	Amir Bin Alias	830619015285	Palong 3	Raja Alias B
116	Amiruddin Bin Abu Kassim	790223065979	Gedangsa	Trolak
117	Amran Bin Huri	671003086151	Jengka 1	Jengka A
118	Amran Bin Mahat	580125055325	Raja Alias 1	Raja Alias B

Bil	Nama	Kad Pengenalan	Rancangan/ Projek	Wilayah
119	Amuthan A/L Kanniappan	710417055311	Palong 1	Raja Alias A
120	Annuar Bin Ibrahim	570207115281	Kerteh 1	Terengganu
121	Anuar Bin Abdul Ghani	590625045341	Tenggaroh 2	Johor Bahru B
122	Anuar Bin Hamid	610227055259	Serting Hilir 5	Raja Alias B
123	Anuar Bin Mohd Mustakim	620829105355	Sungai Tekam Utara	Jengka B
124	Appu Koundan A/L Subramaniam	531119035079	Keratong 5	Kuantan B
125	Arbaiah Binti Othman	501214015394	Kledang	Johor Bahru A
126	Arif Syafwan Bin Muhamad	840505065611	Bukit Kepayang	Mempaga A
127	A'Ripin Bin Zakaria	540325035533	Kemahang 1	Gua Musang
128	Aris Bin Rahim	591001086705	Lembah Klau	Mempaga B
129	Arni Farhana Binti Ab Kaha	870516055168	Ayer Hitam	Segamat A
130	Arsad Bin Puteh	541022045245	Palong 8	Raja Alias B
131	Asemah Binti Said	560401015584	Bukit Aping Timur	Johor Bahru B
132	Asma Binti Awang	550626025856	Tementi	Mempaga A
133	Asmawati Binti Deraman	640914035820	Chiku 1	Gua Musang
134	Asmuni Bin Saad	620423086529	Selancar 2	Kuantan B
135	Asmuriza Binti Mohamad	761206055434	Wilayah Mempaga	Mempaga B
136	Atan Bin Muhamad	530822015331	Kuala Lumpur	Kuala Lumpur
137	Atib Bin Rashid	630817075493	Jengka 24	Jengka B
138	Awalludin Bin Samah	531229055361	Palong 2	Raja Alias B
139	Azaman Bin Sahak	660907045113	Tun Ghaffar Kemendor	Segamat B
140	Azhar Bin Samsudin	701005016397	Air Tawar 1	Johor Bahru A
141	Azidy Bin Daud	640503035471	Jengka 5	Jengka A
142	Azimah Binti Mohamed Ali Piah	660501075304	Trolak Utara	Trolak
143	Aziz Bin Che Yusoff	591107035017	Sungai Nerek	Jengka B
144	Aziz Bin Hamid	600604035159	Bukit Sagu 2	Kuantan A
145	Aziz Jaafar Bin Maat	610630105391	Kuala Lumpur	Kuala Lumpur
146	Azizah Binti Bayamin	750505105880	Jengka 23	Jengka B
147	Azizah Binti Hashim	630514015178	Raja Alias 4	Raja Alias B
148	Azizah Binti Md Isa	610619045332	Kuala Lumpur	Kuala Lumpur
149	Azizah Binti Md Seh	630705016368	Ulu Belitong	Segamat A
150	Azizah Binti Mukri	551116015724	Tunggal	Johor Bahru A
151	Azizah Binti Nordin	560916105976	Wilayah Trolak	Trolak
152	Azizan Bin Abd Rahman	620921095161	Jengka 22	Jengka B
153	Azizan Bin Abu Bakar	590928055061	Wilayah Kuantan	Kuantan A
154	Aziziah @ Azizah Binti Bahari	551223095096	Kemasul	Mempaga A
155	Azizul Bin Aziz	531113055263	Sungai Kelamah	Raja Alias A
156	Azlan Bin A Rahman	841223015581	Pemanis 1	Segamat B
157	Azlan Bin Baharom	670112065507	Kuala Lumpur	Kuala Lumpur
158	Azlin Bin Abdullah	650409055133	Jengka 18	Jengka B

Bil	Nama	Kad Pengenalan	Rancangan/ Projek	Wilayah
159	Azmal Bin Mat Ali	621228065161	Lurah Bilut	Mempaga B
160	Azman Bin Abdullah Hashim	660919065031	Jengka 10	Jengka A
161	Azman Bin Amdan	701209016137	Air Tawar 5	Johor Bahru A
162	Azman Bin Mat Nawawi	840307035681	Palong 8	Raja Alias B
163	Azman Bin Raja Busu	820822115303	Kerteh 2	Terengganu
164	Azwadi Bin Hassan @ Hussain	791106025323	Kota Gelanggi 1	Jengka B
165	Azwan Sakiran Bin Mohd Ab Suki	830709035159	Sungai Klah	Trolak
166	Baharin Bin Sharif	501117055239	Bukit Rokan	Raja Alias A
167	Baharin Bin Tahir	710525015077	Bukit Jalor	Raja Alias A
168	Baharom Bin Rejab	550422075229	Wilayah Jengka	Jengka B
169	Baharuddin Bin Adam	601201015641	Chemplak	Segamat A
170	Baharuddin Bin Md Salleh	850109065985	Selancar 1	Kuantan B
171	Baharudin Bin Nafiah	591101085793	Ulu Jempol	Jengka A
172	Bahri Bin Tago @ Taygoh	680529015109	Semenchu	Johor Bahru A
173	Bahrom Bin Ahmad	610519015961	Palong 13	Raja Alias B
174	Bahrudin Bin Ahmad Sumary	641227015689	Bukit Tongkat	Segamat A
175	Bakar Rudin Bin Daud	601205065179	Bukit Kuantan	Kuantan A
176	Bakri Bin Abdullah	730128035603	Chiku 3	Gua Musang
177	Bakri Bin Md Ali	541218065213	Ulu Jempol	Jengka A
178	Basyuni Bin Sumrah	510622015611	Kuala Lumpur	Kuala Lumpur
179	Bedah Binti Samsi	540930085512	Kuala Lumpur	Kuala Lumpur
180	Bisnan Bin Shuib	550228105631	Gedangsa	Trolak
181	Buliah Bin Kasim	590922015739	Bukit Besar	Johor Bahru A
182	Burhan Bin Mahadi	591006045865	Jengka 2	Jengka A
183	Che Haminah Binti Mat	580722035138	Keratong 3	Kuantan A
184	Che Ku Mat Bin Che Ku Chik	561017115171	Kerteh 2	Terengganu
185	Che Mahani Binti Abu Yaziz	630401025660	Wilayah Kuantan	Kuantan A
186	Che Norhayati Binti Che Abd Manaf	830512115016	Kerteh 3	Terengganu
187	Chen Cheng Loo	570518055183	Serting Hilir 7	Raja Alias B
188	Dahalia Binti Daud	631106115000	Wilayah Terengganu	Terengganu
189	Dalawi Bin Saleh	550129115199	Wilayah Terengganu	Terengganu
190	Darham Bin Daud	510824015935	Tenang	Segamat B
41. Dengan prestasi semasa dan penyusunan strategi yang kekal stabil, pendapatan perladangan dijangka mampu terus menjadi penyumbang utama kepada pendapatan KPF untuk tahun-tahun ke hadapan.

HARTANAH

42. Portfolio hartanah sehingga 31 Disember 2025 berjumlah RM1,140.30 juta seperti berikut:

Hartanah	KosSemasa/ Nilai Buku (RM'000)	Keluasan (k/p)	Kadar Penghunian (%)	
			2024	2025
PEJABAT				
The ICON – West Wing	230,000	241,373	63	66
Blok E, Southgate Commercial Centre	175,000	204,084	37	38
ICON City, Petaling Jaya	72,000	105,354	31	50
Blok P, Garden Office Encorp Strand	30,000	47,977	100	100
Jumlah	507,000	-	-	-
HOTEL				
Hotel Tenera	252,000	71,719	100	100
Jumlah	252,000	-	-	-
TANAH PEMBANGUNAN				
Mukim Galas, Gua Musang	136,093	2,793 ekar	-	-
Lot 1158, Kg Baru	15,700	13,050	-	-
Jumlah	151,793	-	-	-
HARTANAH PAJAKAN				
Hotel Dar Um Al-Qura, Makkah	119,379	-	100	100
Jumlah	119,379	-	-	-
HYPERMARKET				
Giant, Lagenda Galleria Bandar Baru Tunjong	100,000	205,707	100	100
Jumlah	100,000	-	-	-
KEDAI PEJABAT				
Putrajaya, Wilayah Persekutuan	2,500	3,840	-	-
Jengka, Pahang	1,000	2,637	33	33

Hartanah	KosSemasa/ Nilai Buku (RM'000)	Keluasan (k/p)	Kadar Penghunian (%)	
			2024	2025
POIC, Lahad Datu, Sabah	4,900	21,452	100	100
Jumlah	8,400	-	-	-
LOGISTIK				
B2, POIC, Lahad Datu, Sabah	1,730	6,593	100	100
Jumlah	1,730	-	-	-
Jumlah Keseluruhan	1,140,302	-	-	-

Pendapatan Hartanah

43. Pendapatan dari aktiviti hartanah bagi tahun 2025 adalah sebanyak RM24.47 juta, berkurang sebanyak RM6.19 juta atau 20.19% berbanding tahun 2024 berjumlah RM30.66 juta. Penurunan ini disebabkan oleh jumlah *Liquidated Ascertain Damages* (LAD) bangunan ICON City, Petaling Jaya berjumlah RM4.69 juta yang direkodkan sebagai pendapatan (*one-off*) dalam tahun 2024 dan penamatan penyewaan oleh penyewa di bangunan The ICON-West Wing, Jalan Tun Razak berjumlah RM1.50 juta.

PASARAN MODAL

Pasaran Sekuriti

44. Pada 31 Disember 2025, Indeks FBM KLCI ditutup pada 1,680.11 mata berbanding 1,642.33 mata bagi tempoh yang sama tahun 2024, peningkatan sebanyak 37.78 mata ataupun 2.30%. Maklumat portfolio (dana) sekuriti pasaran adalah seperti berikut:

Bil.	Portfolio	2025		2024	
		Unit ('000)	Kos (RM'000)	Unit ('000)	Kos (RM'000)
1.	Dana Urusniaga	310	556	-	-
2.	Dana Jangka Panjang*	130,602	488,987	130,602	488,987
Jumlah		130,912	489,543	130,602	488,987

Nota: *Pelaburan dalam MSM dan Shopper360

45. Pendapatan daripada sekuriti pasaran tahun 2025 adalah sebanyak RM0.53 juta (2024: RM Nil).

Pasaran Wang

46. Tunai tersimpan di bank/institusi kewangan dalam bentuk deposit berjangka dan saham amanah adalah seperti berikut:

Bil.	Portfolio	2025 (RM'000)	2024 (RM'000)
1.	Deposit/Simpanan Tetap	44,900	3,000
2.	Saham Amanah	811	811
Jumlah		45,711	3,811

47. Pendapatan pasaran wang bagi tahun 2025 adalah sebanyak RM0.73 juta, menurun sebanyak RM0.8 juta atau 52.03% berbanding tempoh yang sama tahun 2024 berjumlah RM1.53 juta.

Pendapatan Pasaran Modal

48. Pendapatan daripada aktiviti pasaran modal bagi tahun 2025 adalah sebanyak RM1.26 juta, menurun sebanyak RM0.27 juta atau 17.34% berbanding tempoh yang sama tahun 2024 berjumlah RM1.53 juta. Penurunan ini disebabkan tunai yang dijana daripada aktiviti pelaburan dan perniagaan digunakan untuk bayaran pengeluaran modal syer anggota.

PERBANKAN KOMERSIAL

Pembiayaan

49. Sehingga 31 Disember 2025, jumlah baki pembiayaan aktif direkodkan sebanyak RM111.31 juta, menunjukkan peningkatan sebanyak RM1.48 juta atau 1.35% berbanding RM109.83 juta pada tahun 2024. Maklumat adalah seperti berikut:

Bil.	Produk	2025 (RM'000)	2024 (RM'000)
1.	Peribadi- <i>i</i> /Mikro- <i>i</i> /Tunai- <i>i</i>	29,590	27,924
2.	Koop- <i>i</i>	5,216	5,404
3.	Korporat- <i>i</i>	1,590	1,590
4.	Berputar (<i>Revolving Credit-i</i>)	4,609	4,609
5.	Niaga- <i>i</i>	15,645	15,645
6.	Berjangka	54,663	54,663
Jumlah		111,313	109,835

Deposit

50. Jumlah deposit berjangka daripada anggota adalah seperti berikut:

Bil.	Deposit	2025		2024	
		Bilangan Pendeposit	Jumlah (RM'000)	Bilangan Pendeposit	Jumlah (RM'000)
1.	Premium Mudharabah	1,348	85,885	1,365	86,053
2.	Mudharabah	6	254	6	250
Jumlah		1,354	86,139	1,371	86,303

51. Sehingga 31 Disember 2025, jumlah deposit terkumpul adalah berjumlah RM86.14 juta dengan bilangan akaun 1,354, susut sebanyak RM0.16 juta atau 0.19% berbanding tempoh yang sama tahun 2024 berjumlah RM86.30 juta dengan 1,371 akaun. Penurunan ini adalah disebabkan oleh pengeluaran deposit oleh Pertubuhan Peneroka dan pendeposit individu (Kalabakan).

Pendapatan Perbankan Komersial

52. Pendapatan daripada aktiviti pembiayaan bagi tahun 2025 berjumlah RM7.98 juta, merosot sebanyak RM0.26 juta atau 3.13% berbanding RM8.24 juta yang direkodkan pada tahun 2024. Penurunan ini berpunca daripada kekangan dana (aliran tunai pengeluaran pembiayaan) bagi menyokong perkembangan aktiviti ini.

PERKHIDMATAN AR RAHNU

53. Aktiviti ar rahnu telah merekodkan pengeluaran pembiayaan berjumlah RM203.65 juta iaitu meningkat sebanyak RM 22.43 juta atau 12.38% pada tahun 2025 berbanding RM181.22 juta pada tahun 2024.

54. Prestasi operasi dan kewangan adalah seperti berikut:

Perkara	2025 (RM'000)	2024 (RM'000)	Perubahan	
			(RM)	(%)
Operasi Ar Rahnū				
Nilai Marhun	319,612	278,495	41,117	14.76
Nilai Pembiayaan	203,649	181,216	22,433	12.38
Pendapatan	24,917	22,158	2,759	12.45
Urus Niaga Emas				
Nilai Baki Stok Emas	642	692	(50)	(7.23)
Pendapatan	3,123	2,287	836	36.55
Jumlah Pendapatan	28,040	24,445	3,595	14.71

Pendapatan Perkhidmatan Ar Rahnū

55. Pendapatan operasi cawangan ar rahnū bagi tahun 2025 berjumlah RM24.92 juta meningkat sebanyak RM2.76 juta atau 12.45% berbanding tempoh yang sama tahun 2024.

56. Aktiviti urus niaga emas juga turut mencatat peningkatan pendapatan bagi tahun 2025 berjumlah RM3.12 juta atau 36.55% berbanding tempoh yang sama tahun 2024 berjumlah RM2.28 juta.

SUMBANGAN DAN PENCAPAIAN

Khairat Kematian

57. Sehingga 31 Disember 2025, jumlah permohonan yang diterima adalah sebanyak 2,695 tuntutan (Kumpulan peneroka: 2,598; Kumpulan kakitangan: 97) berjumlah RM2.62 juta. Jumlah yang telah diluluskan dan dibayar kepada waris anggota adalah sebanyak 1,144 tuntutan (Kumpulan peneroka: 1,093; Kumpulan kakitangan: 51) yang berjumlah RM1.1 juta. Baki khairat kematian sebanyak 1,551 tuntutan (Kumpulan peneroka: 1,505; Kumpulan kakitangan: 46) berjumlah RM1.62 juta dibayar berperingkat-peringkat mengikut kedudukan aliran tunai.

Tanggungjawab Sosial

58. KPF turut menekankan kepentingan tanggungjawab sosial korporat (CSR) terhadap anggota, petugas serta masyarakat setempat. Sebagai organisasi yang prihatin, KPF telah melaksanakan pelbagai inisiatif sosial dan kemanusiaan yang bertujuan memperkukuh hubungan dengan masyarakat serta menyokong kebijakan mereka. Antara bentuk bantuan yang telah disalurkan adalah:

- (a) bantuan kepada mangsa kebakaran;
- (b) bantuan kemanusiaan kepada mangsa banjir;
- (c) sumbangan khairat kematian kepada waris;
- (d) program-program di bawah wakalah zakat seperti pemberian peralatan bantuan kesihatan, perubatan, saguhati dan cenderahati kepada anak yatim dan program Back To School; dan
- (e) peluang kepada pelajar daripada institusi Pendidikan Awam/Swasta untuk mendapatkan latihan industri di KPF dan subsidiari.

59. Dalam usaha menyokong pembangunan ekonomi komuniti FELDA dan anggota koperasi, KPF juga menyediakan pelbagai inisiatif penjana pendapatan, antaranya:

- (a) memberi peluang kepada anggota koperasi dan Pertubuhan Peneroka menjadi ejen jual beli dan pengalihan Buah Tandan Segar (BTS) di kawasan FELDA terpilih; dan
- (b) menawarkan peluang perniagaan sebagai vendor/kontraktor kepada komuniti tempatan dalam aktiviti operasi ladang milik KPF.

SYOR

60. Agenda ini dibentangkan untuk pengesahan dan kelulusan perwakilan.

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN

Bil : (85) KPFMB/ADK(AD)/09/JLD05
Tarikh : 20 April 2026

PENDAHULUAN

1. Mengikut kehendak Seksyen 42A Akta 1993, peraturan-peraturan yang diperbuat dibawahnya dan Undang – undang Kecil Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF), laporan ini disediakan untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-45 (MAPT Ke-45).

LATAR BELAKANG

2. Peranan dan kuasa anggota Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD) dalam melaksanakan tanggungjawabnya di bawah UUK 54. Pelantikan anggota JAD adalah di bawah kuasa Lembaga seperti dinyatakan dalam fasal (g) UUK 43. Komposisi anggota JAD dari bulan Januari sehingga 31 Disember 2025 adalah seperti berikut:

Nama	Jawatan	Tempoh Berkhidmat
Encik Kamarulzaman bin Pondot	Pengerusi	Sepanjang 2025
Puan Roziah binti Mohamed	Anggota	Sepanjang 2025
Encik Mohammed Sunaini bin Yusop	Anggota	Sehingga Jun 2025
Encik Suhaidi bin Hamzah	Anggota	Bermula Julai 2025

PENGENALAN

3. JAD telah melaksanakan tujuh (7) aktiviti pengauditan sepanjang tahun 2025. Hasil pengauditan dan cadangan penambahbaikan telah dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga KPF.

AKTIVITI JAD SEPANJANG TAHUN 2025

4. Pada tahun 2025, JAD telah mengadakan mesyuarat sebanyak empat (4) kali meliputi 26 agenda serta turut mengadakan beberapa perbincangan atau mesyuarat bersama Pengurusan KPF. Kehadiran semua anggota JAD adalah seratus peratus (100%).

PEMBENTANGAN LAPORAN PENGAUDITAN

5. Sepanjang tahun 2025, JAD telah melaksanakan semakan dan pemeriksaan pengauditan ke atas aktiviti perniagaan dan pengurusan Kumpulan seperti berikut:

Tarikh	Entiti Pengauditan	Perkara Pengauditan
27 Jan – 28 Feb 2025	Jabatan Perladangan KPF	Memeriksa dan memantau keberkesanan kawalan dalaman dan tadbir urus serta mencadangkan proses tambah baik pengoperasian dan sistem kawalan dalaman.
24 Mac – 30 Apr 2025	KPF Plantation Sdn. Bhd.	Pengesahan laporan aduan berkaitan tadbir urus serta mencadangkan tambah baik sistem kawalan dalaman.
13 Mei – Jul 2025	KPF Niaga Sdn. Bhd.	Memeriksa dan memantau keberkesanan kawalan dalaman dan tadbir urus serta mencadangkan proses tambah baik bagi pengoperasian dan sistem kawalan dalaman.
20 Jun – 4 Jul 2025	KPF Hotel Management Sdn. Bhd.	Pengesahan laporan aduan berkaitan tadbir urus serta mencadangkan proses tambah baik sistem kawalan dalaman.
1 Ogos – 12 Sep 2025	KPF Plantation Sdn. Bhd.	Memeriksa dan memantau keberkesanan kawalan dalaman dan tadbir urus serta mencadangkan proses tambah baik bagi pengoperasian dan sistem kawalan dalaman.
22 Sep – 24 Okt 2025	Audit Susulan Kumpulan	Semakan semula ke atas status semasa serta inisiatif tindakan yang telah diambil terhadap isu audit terdahulu.
27 Okt – 30 Nov 2025	KPF Trading Sdn. Bhd.	Kaji selidik kepuasan pelanggan terhadap D'Mart Segi Fresh

Tumpuan utama JAD adalah:

- (a) memastikan segala isu yang dibangkitkan diambil tindakan dan ianya tidak berulang;
- (b) setiap aktiviti dan operasi KPF & Kumpulan mematuhi segala peraturan dan undang-undang serta kawalan dalaman; dan
- (c) memastikan matlamat KPF tercapai dan kepentingan pemegang taruh dilindungi.

RUMUSAN

6. JAD berpendapat beberapa penekanan perlu diberikan terhadap beberapa perkara – perkara berikut:


- (a) memperkukuh aliran tunai semasa dan masa akan datang secara strategik;
- (b) memastikan tadbir urus koperasi berlandaskan perundangan yang telah ditetapkan oleh Akta Koperasi 1993, Peraturan – Peraturan Koperasi 2010, Garis Panduan (GP), Pekeliling SKM dan Undang – undang Kecil (UUK); dan
- (c) mempertingkatkan pemantauan operasi serta mengambil tindakan penambahbaikan dengan lebih proaktif bagi memastikan risiko berada di tahap paling minimum.

PENGHARGAAN


JAD merakamkan penghargaan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab pengauditan dalaman yang diamanahkan.

JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN SESI 2025/2026 KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD


.....
(KAMARULZAMAN BIN PONDOT)
Pengerusi


.....
(ROZIAH BINTI MOHAMED)
Ahli


.....
(MOHAMMED SUNAINI BIN YUSOP)
Ahli


.....
(SUHAIDI BIN HAMZAH)
Ahli

AGENDA 4

**MENIMBANG DAN MELULUSKAN
PENYATA KEWANGAN TERAUDIT BAGI
TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31
DISEMBER 2025**

Mesyzuarat
AGUNG
PERWAKILAN TAHUNAN
KE **45**

AGENDA 4

MENIMBANG DAN MELULUSKAN PENYATA KEWANGAN TERAUDIT BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

TUJUAN

Agenda ini adalah untuk pertimbangan dan kelulusan perwakilan berkaitan penyata kewangan teraudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025.

LATAR BELAKANG

2. Rumusan penyata untung rugi bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025 adalah seperti berikut:

Perkara	2025 RM'000	2024 RM'000	Beza %
Pendapatan	447,283	432,608	3.39
Kos Jualan	(159,147)	(173,074)	(8.05)
Untung Kasar	288,136	259,534	11.02
Pendapatan Lain	44,451	3,342	1,230.07
Belanja Pentadbiran	(29,498)	(23,952)	23.16
Belanja Operasi	(98,743)	(55,491)	77.94
Kos Kewangan	(26,783)	(26,524)	0.98
Untung Sebelum Pelarasan Operasi	177,563	156,909	13.16
Pelarasan Operasi	(29,473)	229	12,970.31
Untung Sebelum Pembahagian Berkanun, Cukai dan Zakat	148,090	157,138	(5.76)
Pembahagian Berkanun	(22,214)	(20,427)	8.75
Peruntukan Cukai	-	-	-
Peruntukan Zakat	(1,000)	(200)	400.00
Pindahan ke Kumpulan Wang Penebusan Syer	(6,294)	(6,836)	(7.93)
Peruntukan Honorarium	(150)	-	100
Untung Sebelum Pelarasan Bukan Operasi	118,432	129,675	(8.67)

(a) Pendapatan

Pendapatan aktiviti pelaburan dan perniagaan tahun 2025 meningkat sebanyak RM14.68 juta atau 3.39% berbanding tahun 2024. Peningkatan ini disumbangkan oleh:

- (i) aktiviti perladangan sebanyak RM27.29 juta (2025: RM264.15 juta; 2024: RM236.86 juta); dan
- (ii) aktiviti ar rahnun sebanyak RM3.60 juta (2025: RM28.04 juta; 2024: RM24.44 juta).

(b) Kos Jualan

Perbelanjaan kos jualan mencatatkan pengurangan sebanyak RM13.92 juta atau 8.05%, di mana sebahagian besar pengurangan ini disumbangkan oleh aktiviti perladangan.

(c) Pendapatan Lain

Pendapatan lain meningkat sebanyak RM41.11 juta atau 1,230.07% disumbangkan oleh keuntungan daripada ekseseis pelupusan ekuiti dalam Syarikat Kumpulan FGV berjumlah RM42.36 juta.

(d) Perbelanjaan

Jumlah perbelanjaan adalah RM155.02 juta, merekod peningkatan sebanyak RM49.05 juta atau 46.29% berbanding tempoh yang sama tahun 2024 berjumlah RM105.97 juta. Peningkatan ini antaranya disebabkan oleh perbelanjaan operasi seperti berikut:

- (i) pelunasan pajakan tertangguh sebanyak RM14.11 juta (2025: RM15.64 juta; 2024: RM1.53 juta);
- (ii) pelunasan tumbuhan penghasil sebanyak RM8.76 juta (2025: RM10.99 juta; 2024: RM2.23 juta);
- (iii) tuntutan litigasi sebanyak RM9.64 juta (2025: RM9.64 juta; 2024: RM Nil);
- (iv) susut nilai hak penggunaan aset sebanyak RM2.25 juta (2025: RM5.66 juta; 2024: RM3.41 juta); dan
- (v) yuran ejen belian BTS sebanyak RM1.52 juta (2025: RM5.60 juta; 2024: RM4.08 juta).

KUNCI KIRA-KIRA

3. Rumusan kunci kira-kira pada 31 Disember 2025 adalah seperti berikut:

Perkara	2025 RM'000	2024 RM'000	Beza %
Aset Bukan Semasa	3,242,306	2,609,188	24.26
Aset Semasa	486,101	1,621,117	(70.01)
Jumlah Aset	3,728,407	4,230,305	(11.86)
Ekuiti	2,770,585	3,300,908	(16.07)
Liabiliti Bukan Semasa	485,800	497,444	(2.34)
Liabiliti Semasa	472,022	431,953	9.30
Jumlah Liabiliti	957,822	929,397	3.06
Jumlah Liabiliti dan Ekuiti	3,728,407	4,230,305	(11.86)

(a) Jumlah Aset

Jumlah aset adalah RM3,728.41 juta, menurun sebanyak RM501.90 juta atau 11.86% berbanding tahun 2024 berjumlah RM4,230.31 juta. Penurunan ini antaranya disebabkan oleh:

- (i) penurunan nilai saksama pelaburan dalam syarikat bersekutu, MSM Malaysia Holdings Berhad berjumlah RM383.39 juta. Jumlah tersebut direkodkan juga dalam Rizab Nilai Saksama Pelaburan Syer; dan
- (ii) penjualan ekuiti pelaburan dalam lapan (8) Syarikat Kumpulan FGV dengan pelupusan kos pelaburan berjumlah RM126.51 juta.

(b) Jumlah Liabiliti

Jumlah liabiliti adalah RM957.82 juta, meningkat sebanyak RM28.42 juta atau 3.06% berbanding tahun 2024 berjumlah RM929.40 juta. Peningkatan ini antaranya disebabkan oleh:

- (i) pertambahan liabiliti pajakan 43 jentera perladangan berjumlah RM8.78 juta;
- (ii) peningkatan hutang kepada syarikat-syarikat subsidiari dan FELDA sebanyak RM32.22 juta (2025: RM65.59 juta; 2024: RM33.37 juta) melibatkan hutang kepada syarikat-syarikat subsidiari berjumlah RM1.15 juta dan hutang kepada FELDA berjumlah RM31.07 juta; dan
- (iii) peningkatan Akaun Deposit Koperasi belum bayar sebanyak RM2.06 juta (2025: RM72.46 juta; 2024: RM70.40 juta).

(c) Jumlah Ekuiti

Jumlah ekuiti adalah RM2,770.59 juta, menurun sebanyak RM530.32 juta atau 16.07% berbanding tahun 2024 berjumlah RM3,300.91 juta disebabkan pengurangan rizab pelaburan sebanyak RM317.62 juta, keuntungan terkumpul sebanyak RM172.09 juta dan modal syer sebanyak RM55.43 juta.

4. Buku penyata kewangan teraudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025 adalah seperti yang disertakan berasingan.

SYOR

5. Agenda ini dibentangkan untuk pertimbangan dan kelulusan perwakilan.

Mesyzuarat
AGUNG
PERWAKILAN TAHUNAN
KE **45**

AGENDA 5

**MENIMBANG DAN MELULUSKAN
CADANGAN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31
DISEMBER 2025**

Mesyzuarat
AGUNG
PERWAKILAN TAHUNAN
KE **45**

AGENDA 5

MENIMBANG DAN MELULUSKAN CADANGAN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

TUJUAN

Agenda ini adalah untuk pertimbangan dan kelulusan perwakilan berkaitan cadangan pembahagian keuntungan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025.

LATAR BELAKANG

2. Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025, KPF merekodkan keuntungan sebelum pembahagian berkanun, cukai dan zakat berjumlah RM148.09 juta berbanding RM157.14 juta bagi tempoh yang sama tahun 2024. Maklumat adalah seperti berikut:

Perkara	2025 RM'000	2024 RM'000
Keuntungan Sebelum Pembahagian Berkanun	148,090	157,138
Tolak: Pembahagian Berkanun		
(a) Kumpulan Wang Rizab (2025: 12.0%; 2024: 10.0%)	(17,771)	(15,713)
(b) Kumpulan Wang Pendidikan Koperasi (2.0%)	(2,962)	(3,143)
(c) Kumpulan Wang Pembangunan Koperasi (1.0%)	(1,481)	(1,571)
Keuntungan Selepas Pembahagian Berkanun	125,876	136,711
Tolak:		
Peruntukan Cukai	-	-
Peruntukan Zakat	(1,000)	(200)
Tolak: Pembahagian Lain		
(a) Peruntukan Honorarium Lembaga		
(i). Tahun Semasa	(150)	(150)
(ii). Lebihan Peruntukan Tahun Terdahulu	-	150
(b) Kumpulan Wang Penebusan Syer (5.0%)	(6,294)	(6,836)
Keuntungan Sebelum Pelarasan Bukan Operasi	118,432	129,675
Baki Minimum Modal Syer Anggota	2,042,000	2,150,000
Jumlah Dividen Boleh Agih	102,389	129,675
Kemampuan Kadar Dividen	5.01%	6.03%
Kadar Dividen Diperuntukkan/Dibayar	5.00%	6.00%
Jumlah Dividen	102,100	129,000

3. Bayaran dividen dikira berdasarkan keuntungan bersih tahun semasa tolak kerugian terkumpul. KPF mempunyai kerugian terkumpul selepas mengambil kira pelarasan bukan operasi seperti berikut:

Perkara	RM'000
Keuntungan terkumpul awal tahun	172,383
Pelarasan bukan operasi	(188,426)
Kerugian terkumpul	(16,043)
Tambah:	
Keuntungan Sebelum Pelarasan Bukan Operasi	118,432
Keuntungan boleh agih	102,389

4. Oleh itu, keuntungan boleh agih atau jumlah dividen boleh agih adalah RM102.39 juta

ULASAN LEMBAGA

5. Sehingga 31 Disember 2025, purata baki modal syer minimum anggota adalah RM2,042 juta. Kadar 1.0% dividen melibatkan jumlah agihan sebanyak RM20.42 juta. Berdasarkan kepada keuntungan bersih tahun semasa dan tanpa mengambil kira pelarasan bukan operasi, dividen boleh agih adalah pada kadar 5.01%.

SYOR

6. Sehubungan dengan itu, Lembaga mengesyorkan perkara-perkara berikut:
- (a) agihan dividen bagi tahun kewangan 2025 pada kadar 5.0% berjumlah RM102.10 juta;
 - (b) dividen dibayar berdasarkan baki minimum bulanan (pro rata) mengikut tempoh pegangan syer dalam tahun 2025;
 - (c) secara tunai ke akaun modal syer anggota; dan
 - (d) permohonan pengeluaran dividen dibuat secara atas talian (e-Dividen).
7. Agenda ini dibentangkan untuk pertimbangan dan kelulusan perwakilan.

AGENDA 6

**MELULUSKAN CADANGAN BAYARAN
HONORARIUM LEMBAGA DAN YURAN
TAHUNAN LEMBAGA PENGARAH SYARIKAT
SUBSIDIARI BAGI TAHUN KEWANGAN
BERAKHIR 31 DISEMBER 2025**

Mesyuarat
AGUNG
PERWAKILAN TAHUNAN
KE **45**

AGENDA 6

MELULUSKAN CADANGAN BAYARAN HONORARIUM LEMBAGA DAN YURAN TAHUNAN LEMBAGA PENGARAH SYARIKAT SUBSIDIARI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

TUJUAN

Agenda ini adalah berkaitan cadangan bayaran honorarium kepada anggota Lembaga dan yuran tahunan kepada ahli Lembaga Pengarah syarikat subsidiari bagi tahun kewangan 31 Disember 2025 untuk pertimbangan kelulusan perwakilan.

LATAR BELAKANG

2. Bayaran honorarium adalah tertakluk kepada Garis Panduan 22: Permohonan Pembayaran Honorarium Kepada Anggota Lembaga Koperasi (GP22) yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Kadar bayaran honorarium adalah mengambil kira prestasi KPF dan syarikat subsidiari, elaun dan kemudahan lain yang diterima oleh anggota Lembaga dan ahli Lembaga syarikat subsidiari serta sumbangan yang diberikan oleh mereka dalam tahun semasa.

3. Menurut perenggan 57(5)(c) Akta Koperasi 1993 (Akta), bayaran honorarium anggota Lembaga bagaimanapun tidak boleh melebihi jumlah wang yang disyorkan oleh Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan (MAPT) dan perlu mendapat kelulusan SKM.

4. Bayaran honorarium kepada anggota lembaga adalah diperuntukkan di bawah Akta yang menggariskan bahawa koperasi boleh menggunakan untung bersih terauditnya bagi setiap tahun kewangan untuk pembayaran honorarium selepas membuat bayaran atau peruntukan pembahagian berkanun seperti berikut:

- (a) tidak kurang daripada 25% atau 15% daripada untung bersih terauditnya bagi setiap tahun kewangan ke dalam Kumpulan Wang Rizab Statutori (KWRS) menurut subseksyen 57(1) Akta (tertakluk kepada Perintah yang dikeluarkan dari semasa ke semasa);
- (b) bayaran kepada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi (KWAPd) dan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi (KWAPb) menurut subseksyen 57(2) Akta; dan
- (c) koperasi juga dikehendaki membuat peruntukan cukai dan zakat dalam Akaun Pembahagian Keuntungan.

5. Selain itu, GP22 juga menetapkan dua (2) asas koperasi dibenarkan untuk membuat cadangan bayaran honorarium Lembaga iaitu:

- (a) tidak melebihi 10% daripada baki untung bersih teraudit selepas pembahagian berkanun atau RM150,000 mana yang lebih rendah; atau
- (b) melebihi amaun RM150,000 dengan mematuhi kriteria berikut:
 - (i) untung bersih teraudit untuk tahun kewangan berkenaan mestilah melebihi RM30.0 juta;
 - (ii) pulangan atas ekuiti sekurang-kurangnya pada kadar 8.0%; dan
 - (iii) pulangan atas aset sekurang-kurangnya pada kadar 6.0%.

6. Ahli Lembaga Pengarah yang dilantik dalam subsidiari juga boleh dibayar yuran tahunan oleh subsidiari berkenaan tertakluk kepada kelulusan MAPT seperti diperuntukkan dalam subseksyen 46(2) Akta.

ULASAN LEMBAGA

7. Bayaran honorarium kepada anggota Lembaga dan yuran tahunan Lembaga Pengarah syarikat subsidiari adalah sebagai penghargaan ke atas khidmat serta sumbangan tenaga dan masa mereka dalam menjalankan tanggungjawab statutori dan fidusiari serta liabiliti yang ditanggung anggota Lembaga dalam koperasi dan syarikat subsidiari.

8. Berdasarkan GP22, pencapaian prestasi kewangan tahun 2025, dan mengambil kira khidmat dan sumbangan yang diberikan kepada perjalanan operasi dan kewangan yang diberikan kepada KPF, bayaran honorarium kepada anggota Lembaga adalah sebanyak RM1,000 sebulan dengan Pengerusi dibayar tambahan 50% bersamaan RM1,500 sebulan seperti berikut:

Jawatan	Bilangan Lembaga	Jumlah/Bulan (RM)	Jumlah/Tahun (RM)
Pengerusi	1	1,500	18,000
Anggota Lembaga	11	1,000	12,000

9. Lembaga juga mencadangkan kadar yang sama dibayar bagi yuran tahunan Lembaga Pengarah syarikat subsidiari.

10. Nilai bayaran honorarium anggota Lembaga dan yuran tahunan ahli Lembaga Pengarah syarikat subsidiari tersebut adalah lebih kecil jika dibandingkan dengan koperasi menengah dan syarikat-syarikat lain.

SYOR

11. Sehubungan dengan itu, adalah dicadangkan perkara-perkara berikut:

- (a) bayaran honorarium kepada anggota Lembaga dibayar sebanyak RM12,000 seorang bersamaan RM1,000 sebulan, manakala Pengerusi dibayar tambahan 50% berjumlah RM18,000 bersamaan RM1,500 sebulan dengan jumlah keseluruhan RM150,000 tertakluk kepada kelulusan SKM;
- (b) bayaran yuran tahunan ahli Lembaga Pengarah syarikat subsidiari adalah sebanyak RM12,000 seorang bersamaan RM1,000 setahun dengan Pengerusi syarikat dibayar lebih 50% berjumlah RM18,000, manakala bagi syarikat yang tidak aktif/dorman tidak dibayar sebarang yuran tahunan; dan
- (c) bayaran honorarium anggota Lembaga dan yuran tahunan ahli Lembaga Pengarah syarikat subsidiari atas kadar pro-rata mengikut tempoh pelantikan.

12. Agenda ini dibentangkan untuk pertimbangan kelulusan perwakilan.

AGENDA 7

**MELULUSKAN SKOP DAN HAD
PELABURAN SERTA MENENTUKAN
HAD MAKSIMUM KETERHUTANGAN
BAGI SESI 2026/2027**

Mesyzuarat
AGUNG
PERWAKILAN TAHUNAN
KE **45**

AGENDA 7

MELULUSKAN SKOP DAN HAD PELABURAN SERTA MENENTUKAN HAD MAKSIMUM KETERHUTANGAN BAGI SESI 2026/2027

TUJUAN

Agenda ini dibentangkan untuk pertimbangan dan kelulusan perwakilan berkaitan cadangan skop dan had pelaburan serta had maksimum keterhutangan bagi sesi 2026/2027.

LATAR BELAKANG

2. Ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada kadar 5.4% bagi suku pertama 2026. Bank Negara Malaysia (BNM) dan Kementerian Kewangan mengunjurkan pertumbuhan antara 4.0% hingga 5.0% untuk keseluruhan tahun 2026 yang didorong oleh penggunaan domestik yang berdaya tahan dan perkhidmatan walaupun berhadapan dengan risiko ketidaktentuan geopolitik dan ekonomi global yang mencabar.
3. Cadangan skop dan had pelaburan bagi sesi 2026/2027 adalah seperti berikut:

Bil.	Skop	Jumlah (RM'000)
1.	Pelaburan Korporat (a) Penglibatan dalam aktiviti ekonomi/perniagaan anjuran FELDA serta pemilikan ekuiti signifikan dalam Syarikat Kumpulan FELDA/FGV dan syarikat-syarikat berkepentingan nasional. (b) Pemilikan ekuiti syarikat luar yang terlibat dalam sektor/industri yang berprestasi dan mampan untuk tempoh jangka sederhana/jangka panjang melalui usaha sama, pra-terbitan awam, dan modal teroka. (c) Memperkasa aktiviti perniagaan syarikat kumpulan dengan menambah baik aktiviti semasa dan meneroka aktiviti baharu melalui penyediaan suntikan modal, pembiayaan projek dan modal pusingan. (d) Kerjasama strategik dalam gerakan koperasi dalam aktiviti ekonomi termasuk tambahan pemilikan modal syer dalam BRKM/CBP dan federasi/koperasi lain.	150,000
2.	Perladangan (a) Fokus kepada peningkatan hasil/produktiviti Buah Tandan Segar (BTS), kualiti pokok, dan kecekapan kerja di ladang/kilang sawit di samping pembangunan kawasan baharu serta integrasi tanaman lain secara berfasa. (b) Memperluaskan aktiviti belian BTS dan operasi Pusat Mengumpul Sawit (PMS) di rancangan-rancangan FELDA terlibat melalui usaha sama dengan koperasi/ pertubuhan peneroka di rancangan dan syarikat luar (rakan muafakat).	150,000
3.	Pasaran Modal (a) Urus niaga jual beli saham di Bursa Malaysia dengan fokus kepada syarikat yang mempunyai <i>fundamental</i> perniagaan dan kewangan kukuh dalam sektor/ industri berpotensi selari dengan pilihan pasaran. (b) Penglibatan secara aktif dalam pengambilan saham tawaran awam permulaan (IPO), tawaran persendirian (<i>private placement</i>) dan pembiayaan saham oleh syarikat penerbitan saham, bank/institusi kewangan dan Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI). (c) Mengoptimumkan pengurusan tunai lebihan (<i>cash management</i>) melalui pelaburan jangka pendek dalam instrumen pasaran wang seperti deposit berjangka, kertas dagangan, saham amanah, bon/sukuk dan lain-lain instrumen.	100,000

Bil.	Skop	Jumlah (RM'000)
4.	Hartanah (a) Meneruskan inisiatif pelupusan aset hartanah yang kurang berdaya saing <i>low-yielding</i> dan tidak menjana pendapatan <i>non-generating</i> . Hasil tunai yang diperolehi disalurkan semula bagi membiayai aktiviti lain yang dapat mengoptimumkan pulangan pendapatan. (b) Memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan kadar penghunian serta menambah nilai aset hartanah sedia ada yang mempunyai potensi pertumbuhan tinggi. (c) Meneroka pembangunan hartanah kediaman serta komersial secara usaha sama dengan syarikat pembangunan hartanah berpengalaman bagi meminimumkan risiko dan memanfaatkan kepakaran sedia ada.	50,000
5.	Perbankan Komersial/Pembiayaan (a) Memperkenalkan pelbagai produk pembiayaan inovatif yang dirangka khusus bagi memenuhi keperluan kewangan anggota individu serta koperasi anggota. (b) Menyediakan pembiayaan modal kerja dan modal pusingan jangka pendek bagi menyokong pelaksanaan projek-projek semasa serta inisiatif baharu syarikat kumpulan. (c) Menjalin kolaborasi dengan syarikat-syarikat penyedia barangan dan khidmat untuk ditawarkan kepada anggota melalui pakej pembiayaan. (d) Melaksanakan usaha sama dengan koperasi anggota bagi pelantikan sebagai ejen atau rakan muafakat di rancangan-rancangan FELDA.	50,000
6.	Perkhidmatan Ar-Rahnu (a) Memperkasa operasi cawangan sedia ada serta memperluaskan rangkaian melalui pembukaan cawangan baharu di bandar-bandar strategik dan terpilih. (b) Mengembangkan urus niaga emas melalui inisiatif lelongan dan jualan barangan terpakai (<i>pre-loved</i>) di karnival jualan/program bersama anggota dan penjualan dalam talian bagi mengoptimumkan keuntungan. (c) Menyediakan khidmat nilai tambah di cawangan merangkumi penyediaan terminal pembayaran secara <i>cashless</i> untuk urusan bayaran pembiayaan pembiayaan (<i>disbursement</i>) serta bayaran keuntungan (upah simpan), di samping berperanan sebagai ejen insurans dan khidmat kiriman wang.	50,000
Jumlah		550,000

4. Sebahagian daripada cadangan pelaburan dan perniagaan dilaksanakan melalui pembiayaan dari bank/institusi kewangan. Cadangan had maksimum keterhutangan bagi sesi 2026/2027 adalah sebanyak RM500 juta seperti berikut:

Bil.	Had Keterhutangan	Jumlah (RM'000)
1.	Pembiayaan Berjangka	350,000
2.	Pembiayaan Modal Kerja	100,000
3.	Tabung Modal Pusingan	50,000
Jumlah		500,000

SYOR

5. Sehubungan dengan itu, Lembaga mencadangkan perkara-perkara berikut:

(a) Skop had pelaburan bagi sesi 2026/2027 berjumlah RM550 juta seperti berikut:

Bil.	Skop Pelaburan	Jumlah (RM'000)
1.	Pelaburan Korporat	150,000
2.	Perladangan	150,000
3.	Pasaran Modal	100,000
4.	Hartanah	50,000
5.	Perbankan Komersial/Pembiayaan	50,000
6.	Perkhidmatan Ar-Rahnu	50,000
Jumlah		550,000

(b) Had maksimum keterhutangan bagi sesi 2026/2027 berjumlah RM500 juta:

Bil.	Had Keterhutangan	Jumlah (RM'000)
1.	Pembiayaan Berjangka	350,000
2.	Pembiayaan Modal Kerja	100,000
3.	Tabung Modal Pusingan	50,000
Jumlah		500,000

(c) Mandat kepada Lembaga untuk membuat keputusan penggunaan peruntukan skop-skop lain dan mengubah jumlah struktur pelaburan dan struktur keterhutangan dengan syarat tidak melebihi had keseluruhan yang diperuntukkan.

6. Kertas ini dibentangkan untuk pertimbangan dan kelulusan perwakilan.

Mesyzuarat
AGUNG
PERWAKILAN TAHUNAN
KE **45**

AGENDA 8

**MENIMBANG DAN MELULUSKAN
CADANGAN PINDAAN BAJET 2026
DAN BAJET 2027**

Mesyuarat
AGUNG
PERWAKILAN TAHUNAN
KE **45**

AGENDA 8

MENIMBANG DAN MELULUSKAN CADANGAN PINDAAN BAJET 2026 DAN BAJET 2027

TUJUAN

Agenda ini dibentangkan untuk pertimbangan dan kelulusan perwakilan berkaitan cadangan Pindaan Bajet 2026 dan Bajet 2027.

LATAR BELAKANG

2. Garis Panduan 14: Pengurusan Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi (GP14) menyatakan bahawa mengikut Peraturan-Peraturan Koperasi 2010, perbelanjaan koperasi tidak boleh melebihi 5.0% daripada amaun yang diperuntukkan dalam belanjawan kecuali dengan kelulusan Mesyuarat Agung Tahunan (MAT).
3. Bajet 2026 disemak semula bagi menggambarkan unjuran prestasi aktiviti pelaburan dan perniagaan yang boleh dicapai dalam tahun semasa. Maklumat Pindaan Bajet 2026 berbanding Bajet 2026 adalah seperti berikut:

Perkara	Pindaan Bajet 2026 (RM'000)	Bajet 2026 (RM'000)	Perubahan	
			(RM'000)	(%)
Pendapatan	546,021	245,794	300,227	122.15
Kos Jualan	287,520	53,521	233,999	437.21
Keuntungan Kasar	258,501	192,273	66,228	34.44
Perbelanjaan:				
(a) Perbelanjaan Pentadbiran	17,986	17,792	194	1.09
(b) Perbelanjaan Operasi	18,181	14,036	4,145	29.53
(c) Kos Kewangan	26,700	8,604	18,096	210.32
(d) Susut nilai, Rosot nilai dan Pelunasan	35,017	10,812	24,205	223.87
Jumlah Perbelanjaan	97,884	51,244	46,640	91.02
Keuntungan Sebelum Cukai	160,617	141,029	19,588	13.89

4. Pindaan Bajet 2026 dibuat setelah mengambil kira pencapaian semasa pelan rasionalisasi aset pelaburan. Unjuran ke atas pendapatan yang boleh dicapai bagi tahun 2026 adalah sebanyak RM546.02 juta, meningkat sebanyak RM300.23 juta atau 122.15% berbanding Bajet 2026 berjumlah RM245.79 juta memberi kesan kepada peningkatan jumlah perbelanjaan sebanyak 91.02%.

PENDAPATAN

5. Maklumat unjuran pendapatan adalah seperti berikut:

Bil.	Pendapatan	Pindaan Bajet 2026 (RM'000)	Bajet 2026 (RM'000)	Perubahan	
				(RM'000)	(%)
1.	Perladangan	343,815	68,038	275,777	405.33
2.	Pelaburan Korporat	107,831	81,820	26,011	31.79
3.	Pasaran Modal	19,500	30,024	(10,524)	(35.05)
4.	Hartanah	28,830	20,910	7,920	37.88
5.	Perkhidmatan Ar-Rahnu	34,500	33,400	1,100	3.29
6.	Perbankan Komersial	11,515	11,572	(57)	(0.49)
7.	Fi Masuk Anggota	30	30	-	-
Jumlah		546,021	245,794	300,227	122.15

6. Sumbangan utama kepada peningkatan unjuran pendapatan 2026 adalah daripada aktiviti perladangan yang meningkat sebanyak RM275.78 juta dengan andaian Ladang Samarahan beroperasi seperti biasa dan dividen dari Syarikat Kumpulan FGV meningkat sebanyak RM28.60 juta.

KOS JUALAN

7. Kos jualan bagi Pindaan Bajet 2026 berjumlah RM287.52 juta, meningkat sebanyak RM234.0 juta atau 437.21% berbanding Bajet 2026 berjumlah RM53.52 juta. Peningkatan ini antaranya disebabkan oleh:

- (a) kos aktiviti perladangan meningkat sebanyak RM216.91 juta dengan andaian Ladang Samarahan beroperasi seperti biasa;
- (b) kos jualan saham siar harga meningkat sebanyak RM13.08 juta dengan andaian lebih tunai digunakan untuk urus niaga sekuriti pasaran; dan
- (c) kos jualan dalam dana pelaburan usaha sama meningkat sebanyak RM2.55 juta dengan andaian pelaksanaan pelupusan ekuiti bagi pelaburan matang.

PERBELANJAAN

8. Jumlah perbelanjaan dalam Pindaan Bajet 2026 adalah sebanyak RM97.88 juta, meningkat sebanyak RM46.64 juta atau 91.02% berbanding Bajet 2026 berjumlah RM51.24 juta. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh:

- (a) unjuran perbelanjaan operasi melibatkan kos khidmat guaman dan yuran proses pembiayaan berjumlah RM3.90 juta;
- (b) unjuran kos kewangan mengambil kira pembiayaan Ladang Samarahan masih diteruskan (Bajet 2026: Andaian tiada pembiayaan selepas penjualan ladang pada tahun 2025); dan
- (c) peruntukan susut nilai, rosot nilai dan pelunasan disebabkan pengkelasan semula Ladang Samarahan daripada Aset Untuk Dijual (*Asset Held For Sale*) kepada Aset Bukan Semasa (*Non-Current Asset*) di mana ia perlu disusut nilai.

BAJET 2027

9. Rumusan Bajet 2027 adalah seperti berikut:

Perkara	Bajet 2027 (RM'000)	Pindaan Bajet 2026 (RM'000)	Perubahan	
			(RM'000)	(%)
Pendapatan	554,220	546,021	8,199	1.50
Kos Jualan	302,576	287,520	15,056	5.24
Keuntungan Kasar	251,644	258,501	(6,857)	(2.65)
Perbelanjaan:				
a. Perbelanjaan Pentadbiran	18,819	17,986	833	4.63
b. Perbelanjaan Operasi	14,703	18,181	(3,478)	(19.13)
c. Kos Kewangan	25,658	26,700	(1,042)	(3.90)
d. Susut nilai, Rosot nilai dan Pelunasan	36,779	35,017	1,762	5.03
Jumlah Perbelanjaan	95,959	97,884	(1,925)	(1.97)
Keuntungan Sebelum Cukai	155,685	160,617	(4,932)	(3.07)

10. Unjuran pendapatan bagi tahun 2027 berjumlah RM554.22 juta, meningkat sebanyak RM8.20 juta atau 1.50% berbanding Pindaan Bajet 2026 berjumlah RM546.02 juta. Maklumat pendapatan mengikut bidang keberhasilan adalah seperti berikut:

Bil.	Bidang Keberhasilan	Bajet 2027 (RM'000)	Pindaan Bajet 2026 (RM'000)	Perubahan	
				(RM'000)	(%)
1.	Perladangan	364,343	343,815	20,528	5.97
2.	Pelaburan Korporat	92,715	107,831	(15,116)	(14.02)
3.	Pasaran Modal	25,750	19,500	6,250	32.05
4.	Hartanah	21,370	28,830	(7,460)	(25.88)
5.	Perkhidmatan Ar-Rahnu	38,000	34,500	3,500	10.14
6.	Perbankan Komersial	12,012	11,515	497	4.32
Jumlah		554,190	545,991	8,199	1.50

11. Andaian-andaian kepada unjuran pendapatan dalam Bajet 2027 adalah seperti berikut:

(a) Perladangan

- (i) Pendapatan daripada aktiviti perladangan diunjurkan sebanyak RM364.34 juta, meningkat sebanyak RM20.53 juta atau 5.97% berbanding Pindaan Bajet 2026 berjumlah RM343.81 juta. Peningkatan ini disebabkan andaian hasil dan luas kawasan berhasil meningkat bagi Ladang Samarahan dan Ladang Gua Musang dengan andaian harga purata Buah Tandan Segar (BTS) pada harga RM790/MT dan andaian harga purata Minyak Sawit Mentah (MSM) pada harga RM4,000/MT.
- (ii) Pendapatan daripada aktiviti membeli, mengalih dan menjual BTS di rancangan-rancangan FELDA diunjurkan sebanyak RM24.0 juta dengan unjuran belian 1,200,000 MT melibatkan 100 rancangan.
- (iii) Pendapatan daripada pengoperasian Pusat Mengumpul Sawit (PMS) pula diunjurkan sebanyak RM3.60 juta melalui margin dan caj pengurusan dengan unjuran belian 720,000 MT melibatkan 50 rancangan.

(b) Pelaburan Korporat

- (i) Pendapatan daripada pelaburan korporat diunjur sebanyak RM92.72 juta, menurun sebanyak RM15.11 juta ataupun 14.02% berbanding Pindaan Bajet 2026 berjumlah RM107.83 juta.
- (ii) Penurunan ketara ini disebabkan Pindaan Bajet 2026 mengunjurkan pendapatan daripada dividen FGV Palm Industries Sdn. Bhd. (FGVPI) dan Felda Engineering Services Sdn. Bhd. (FESSB) manakala andaian dividen Syarikat Kumpulan FGV untuk Bajet 2027 hanya diterima daripada FGVPI.

(c) Pasaran Modal

- (i) Pendapatan daripada aktiviti pasaran modal diunjur sebanyak RM25.75 juta, meningkat sebanyak RM6.25 juta atau 32.05% berbanding Pindaan Bajet 2026 berjumlah RM19.50 juta.
- (ii) Peningkatan ini diunjurkan terhasil daripada peruntukan dana berjumlah RM80 juta untuk dilaburkan dalam sekuriti pasaran dan instrumen kewangan dengan purata kadar pulangan 9.60%.

(d) Hartanah

- (i) Pendapatan daripada hartanah diunjur sebanyak RM21.37 juta, menurun sebanyak RM7.46 juta atau 25.88% berbanding Pindaan Bajet 2026 berjumlah RM28.83 juta.
- (ii) Penurunan ini disebabkan oleh andaian sebahagian aset hartanah seperti The ICON - West Wing, Southgate Commercial Centre - Blok E, Hotel Tenera dan lain-lain masih dalam pengurusan KPF, manakala kompleks perniagaan di Tunjong, Lot 1158 Kg. Bharu, kedai pejabat di Putrajaya, kedai pejabat POIC dan Gudang POIC dilupuskan dalam tahun 2026.

(e) Perkhidmatan Ar Rahn

- (i) Pendapatan daripada operasi perkhidmatan ar rahn diunjurkan sebanyak RM38.0 juta, peningkatan sebanyak RM3.50 juta atau 10.14% berbanding Pindaan Bajet 2026 berjumlah RM34.50 juta.
- (ii) Peningkatan ini disokong oleh peningkatan prestasi operasi cawangan ar rahn sedia ada, pembukaan cawangan baru serta kenaikan fi perkhidmatan berdasarkan Arahan SKM Bilangan 1 2025 (aktiviti ar rahn).

(f) Perbankan Komersial

- (i) Pendapatan daripada aktiviti pembiayaan diunjurkan sebanyak RM12.01 juta, meningkat sebanyak RM0.49 juta atau 4.32% berbanding Pindaan Bajet 2026 berjumlah RM11.52 juta.
- (ii) Peningkatan ini adalah disebabkan beberapa inisiatif melalui kempen kesedaran tentang kelebihan pembiayaan KPF berbanding pembiayaan lain dan program pra-kelulusan pembiayaan kepada anggota-anggota yang layak.

KOS JUALAN

12. Jumlah kos jualan dalam Bajet 2027 bagi aktiviti pelaburan dan perniagaan diunjurkan berjumlah RM302.58 juta, meningkat sebanyak RM15.06 juta ataupun 5.24% berbanding Pindaan Bajet 2026 berjumlah RM287.52 juta. Maklumat kos jualan adalah seperti berikut:

Bil.	Bidang Keberhasilan	Bajet 2027 (RM'000)	Pindaan Bajet 2026 (RM'000)	Perubahan	
				(RM'000)	(%)
1.	Perladangan	259,981	253,082	6,899	2.73
2.	Pelaburan Korporat	5,719	2,549	3,170	124.40
3.	Pasaran Modal	17,111	13,084	4,027	30.78
4.	Hartanah	5,650	5,650	-	-
5.	Perkhidmatan Ar-Rahnu	9,863	8,953	910	10.16
6.	Perbankan Komersial	4,252	4,202	50	1.19
Jumlah		302,576	287,520	15,056	5.24

13. Kos jualan diunjur meningkat sebanyak RM15.06 juta antaranya disebabkan oleh peningkatan kos perladangan berjumlah RM6.90 juta, kos jualan syarikat usaha sama berjumlah RM3.17 juta dan kos jualan urus niaga sekuriti pasaran berjumlah RM4.03 juta.

PERBELANJAAN

14. Bajet perbelanjaan tahun 2027 adalah berjumlah RM95.95 juta, menurun sebanyak RM1.93 juta atau 1.97% berbanding Pindaan Bajet 2026 berjumlah RM97.88 juta seperti berikut:

Perbelanjaan	Bajet 2027 (RM'000)	Pindaan Bajet 2026 (RM'000)	Perubahan	
			(RM'000)	(%)
Pentadbiran	18,819	17,986	833	4.63
Operasi	14,703	18,181	(3,478)	(19.13)
Kos Kewangan	25,658	26,700	(1,042)	(3.90)
Susut nilai, Rosot nilai dan Pelunasan	36,779	35,017	1,762	5.03
Jumlah	95,959	97,884	(1,925)	(1.97)

15. Perbelanjaan pentadbiran diunjurkan berjumlah RM18.82 juta, meningkat sebanyak RM0.83 juta atau 4.63% berbanding Pindaan Bajet 2026 berjumlah RM17.99 juta disebabkan kenaikan perbelanjaan sumber manusia dan perbelanjaan berkaitan.

16. Perbelanjaan operasi diunjurkan menurun sebanyak RM3.48 juta atau 19.13% kepada RM14.70 juta berbanding Pindaan Bajet 2026 berjumlah RM18.18 juta. Penurunan ini antaranya disebabkan andaian tiada khidmat guaman bagi kes arbitrase dalam Bajet 2027.

17. Perbelanjaan kos kewangan berjumlah RM25.66 juta, diunjur menurun sebanyak RM1.04 juta atau 3.90% berbanding Pindaan Bajet 2026 berjumlah RM26.70 juta.

18. Perbelanjaan susut nilai, rosot nilai dan pelunasan diunjur meningkat sebanyak RM1.76 juta ataupun 5.03% kepada RM36.78 juta berbanding RM35.02 juta dalam Pindaan Bajet 2026 disebabkan oleh tambahan aset tetap dalam tahun 2026 dan tahun 2027.

PERBELANJAAN MODAL

19. Bajet perbelanjaan modal diunjurkan berjumlah RM21.65 juta, menurun sebanyak RM6.98 juta atau 24.38% berbanding Pindaan Bajet 2026 berjumlah RM28.63 juta. Maklumat perbelanjaan modal mengikut aktiviti adalah seperti berikut:

Bil.	Perbelanjaan Modal (Aktiviti)	Bajet 2027 (RM'000)	Pindaan Bajet 2026 (RM'000)
1.	Perladangan	16,701	23,351
2.	Perkhidmatan Ar-Rahnu	3,250	1,750
3.	Lain-lain	1,700	3,530
Jumlah		21,651	28,631

20. Maklumat Pindaan Bajet 2026 dan Bajet 2027 seperti di **Lampiran 1**.

SYOR

- 21. Adalah di syorkan Pindaan Bajet 2026 dan Bajet 2027 diluluskan untuk di terima pakai.
- 22. Agenda ini dibentangkan untuk pertimbangan dan kelulusan perwakilan.

LAMPIRAN 1: BAJET 2027 DAN PINDAAN BAJET 2026

PERKARA	BAJET 2027 (RM)	PINDAAN BAJET 2026 (RM)	PERUBAHAN (RM)	PERUBAHAN (%)
PENDAPATAN				
Perladangan	364,343,900	343,815,435	20,528,465	5.97
Pelaburan Korporat	92,715,026	107,830,791	(15,115,765)	(14.02)
Pasaran Modal	25,750,000	19,500,000	6,250,000	32.05
Hartanah	21,370,000	28,830,000	(7,460,000)	(25.88)
Perkhidmatan Ar Rahn	38,000,000	34,500,000	3,500,000	10.14
